


Jilid I
Bil. 4



Hari Rabu
5hb Julai, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES


DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid I
Bil. 4



Hari Rabu
5hb Julai, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

MESYUARAT PERTAMA

First Meeting

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—
Y.B. Tuan Saad bin Haji Man [Ruangan 47]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1997

MALAYSIA

PARLIMEN KESEMBILAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P.
(Dilantik).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.
(Pulau Pinang).

„ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).

„ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

„ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN DING SELING (Dilantik).

„ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).

„ TUAN HAJI GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—Wilayah
Persekutuan).

„ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S.. (Sarawak).

„ TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).

„ TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Johor).

„ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).

„ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).

„ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C.
(Negeri Sembilan).

„ TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).

„ DATUK JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik).

„ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).

- Yang Berhormat TUAN KAN KOK KWAN, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- „ PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- „ DATO' (IR.) NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- „ PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- „ DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATO' TING CHECK SII, D.I.M.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S. A.M.N. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K.,
A.M.S. (Dilantik).

„ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

„ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K.,
J.P. (Dilantik).

„ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).

„ TUAN M. ZEEVILL @ SHANMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik.

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajah Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 5hb Julai, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
 MULUT BAGI
 PERTANYAAN-
 PERTANYAAN

KEKURANGAN GURU-GURU
 BAHASA INGGERIS/
 MATEMATIK

1. **Puan Kelsom binti Yaacob** minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa memandangkan kekurangan guru bahasa Inggeris dan matematik di luar bandar, tidakkah kementerian bercadang untuk mengkaji kurikulum pendidikan guru sejajar dengan Wawasan 2020. Pelatih-pelatih perguruan selepas tamat dari Maktab Perguruan perlu menyambung belajar setahun lagi untuk mata pelajaran bahasa Inggeris dan matematik. Satu insentif juga perlu disediakan kepada guru-guru terlibat.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa membuat kajian dan penilaian terhadap kurikulum pendidikan guru selari dengan perkembangan dan keperluan negara. Sebagai contoh kurikulum perguruan lepas ijazah baru sahaja dinilai dan diubah suai dengan kehendak semasa. Selain daripada itu, kementerian juga

memperkenalkan pendidikan komputer, kemahiran hidup sekolah rendah, rekacipta dan menekankan pendidikan matematik, sains dan teknologi. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan kursus pengkhususan matematik sekolah rendah sejak tahun 1992.

Selain daripada itu, usaha pihak universiti melatih guru berijazah bahasa Inggeris dan matematik, Bahagian Pendidikan Guru juga melaksanakan Program Kembaran dalam negeri. Dalam program Kursus Perguruan Lepas Diploma juga diadakan kursus matematik. Program kembar bahasa Inggeris iaitu TESL juga dijalankan dengan pihak universiti di United Kingdom dan New Zealand. Dalam perancangan kementerian, pengambilan pelatih untuk pengajian bahasa Inggeris dan matematik akan terus ditambah.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma hendak tanya adakah kementerian bercadang mengimport guru bahasa Cina dari negeri China untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru bahasa Cina di sekolah Cina?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sistem pendidikan merupakan satu sistem di mana kita pelihara fikiran anak-anak kita dari umur yang rendah ke umur yang dewasa, kita andaikan bahawa sistem pendidikan itu adalah mustahak dan tanggungjawab utama untuk mengajar anak-anak kita haruslah dipelihara dan ditanggungjawabkan oleh rakyat kita. Dalam konteks

ini, Kementerian Pendidikan memberi keutamaan untuk menggalakkan lebih ramai orang-orang kita memasuki maktab perguruan supaya mereka boleh terus menjadi guru dan memberi pendidikan yang sesuai kepada anak-anak kita.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sebahagian guru-guru sekolah yang penuh pengalaman dalam pengajaran apabila mereka ditukar ke sekolah-sekolah luar bandar mereka pun meletak jawatan. Apakah tindakan kementerian terhadap masalah ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, inilah satu kesulitan yang kementerian hadapi. Kita berazam dan berhasrat untuk mempertingkatkan taraf pendidikan anak-anak kita di luar bandar, dan kita juga telah hantar ramai guru-guru berkaliber, berpengalaman ke kawasan luar bandar seperti yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat, ada sekumpulan mereka yang tidak puas hati dan meletakkan jawatan. Kita tidak boleh buat apa-apa kerana kita mempunyai satu free market economy di mana rakyat kita mempunyai hak untuk mencari apa-apa pekerjaan.

Jadi, Kementerian Pendidikan dalam hal ini akan menggunakan insentif, kita akan beri galakan dan kita juga ambil kira perkhidmatan di luar bandar supaya boleh diberi keutamaan untuk kenaikan pangkat. Itulah yang kita boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap apabila hendak dibuat soalan tambahan, harap soalan tambahan itu ada kena-mengena dengan soalan asal iaitu yang sepatutnya dan itulah saya rasa merupakan satu peraturan.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, SIBU—BILANGAN KAKITANGAN

2. Dato' Ting Check Sii minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada

bilangan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara Sibu mencukupi untuk keperluan semasa kerana ramai rakyat, terutamanya yang berasal dari luar bandar, menghadapi masalah untuk memperbaharui kad pengenalan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bilangan kakitangan di Jabatan Pendaftaran Negara, Sibu memang tidak mencukupi untuk keperluan semasa. Walau bagaimanapun, jabatan ini sentiasa berusaha bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang bagi menampung keperluan tersebut dan antara usahanya Ibu Pejabat Pendaftaran Negara di Kuching, Sarawak telah membuat program lawatan melalui pasukan kaunter bergerak ke kawasan Sibu untuk membantu urusan permohonan mem-baharui kad pengenalan di sana.

Dan untuk makluman Dewan yang mulia, pada masa ini, kerajaan juga merancang untuk membina Pejabat Pendaftaran baru di Sibu dan proses memohon penambahan jawatan bagi jabatan berkenaan sedang dijalankan.

PILIHANRAYA—PENGGUNAAN STADIUM SEBAGAI TEMPAT CERAMAH

3. Tuan Haji Zainal bin Md. Derus minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perbezaan rapat umum dan ceramah semasa pilihanraya baru-baru ini diadakan dan adakah menggunakan stadium boleh dianggap rapat umum atau jika tidak mengapa di setengah tempat stadium digunakan untuk kempen pilihanraya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, rapat umum adalah perhimpunan yang dihadiri oleh orang ramai di sesuatu kawasan lapang yang tidak tertutup. Manakala ceramah pula biasanya

diadakan di tempat-tempat persendirian dan tertutup dan dihadiri oleh para jemputan. Pihak polis tidak pernah mengeluarkan lesen membenarkan rapat umum diadakan oleh mana-mana pihak semasa kempen pilihanraya umum bulan April 1995 baru-baru ini kerana pengharaman ke atas rapat umum masih berkuatkuasa.

Penggunaan stadium tidak boleh dianggap sebagai rapat umum memandangkan stadium merupakan kawasan tertutup tetapi lesen perlu diperolehi, lesen boleh dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

LORI MEMBAWA MUATAN BERLEBIHAN—TINDAKAN TERHADAP PEMANDU

4. Datuk Johan bin O.T. Ghani minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan kementerian tersebut kepada pemandu-pemandu lori yang mengangkut muatan berlebihan yang mengakibatkan kerosakan jalan raya terutamanya di Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil tindakan undang-undang dengan menyaman pemandu-pemandu lori yang membawa muatan berlebihan.

PELAJAR TINGKATAN 6—KESAN PEMANSUHAN STPM

5. Tuan Haji Othman bin Yunos minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah nasib pelajar-pelajar Tingkatan 6 kerana ada ura-ura pihak kerajaan akan menutup Tingkatan 6.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang

di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan memastikan masa hadapan pelajar-pelajar Tingkatan 6 tidak terjejas walaupun dengan adanya rancangan untuk memperkenalkan Kolej Nasional Malaysia (Junior College) dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kelak. Pelajar-pelajar Tingkatan 6 sekarang masih boleh meneruskan persekolahan mereka sehingga tamat peperiksaan STPM. Kelas-kelas Tingkatan 6 akan diberhentikan secara beransur-ansur setelah Kolej Nasional Malaysia telah mantap kelak.

IKS BEROPERASI SECARA HARAM—PENYELESAIAN

6. Dato' Soong Siew Hoong minta Perdana Menteri menyatakan apakah, jika ada, rancangan-rancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah industri-industri kecil dan sederhana yang haram iaitu industri-industri yang beroperasi di premis-premis atau tanah yang tidak dimaksudkan untuk industri-industri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai beberapa rancangan untuk menyelesaikan masalah industri kecil dan sederhana yang haram di Wilayah Persekutuan. Antara beberapa langkah dan program yang telah disediakan ialah:

- (i) Menyediakan strategi dan program pelan tindakan bagi jangka masa 10 tahun.
- (ii) Mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk pembangunan kawasan industri perkhidmatan, terutama sekali untuk industri kecil dan sederhana.
- (iii) Memohon peruntukan kewangan daripada kerajaan pusat.
- (iv) Memohon untuk mendapatkan tapak daripada Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Dalam hubungan ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diberi tiga kawasan tanah untuk tujuan penempatan semula industri iaitu:

- (i) kawasan Salak Selatan seluas 28 ekar;
- (ii) kawasan di Puchong seluas 72 ekar; dan
- (iii) kawasan di Jalan Genting Kelang seluas 13 ekar.

Kerajaan juga menggalakkan sektor swasta untuk menyediakan unit-unit industri sama ada melalui projek usaha sama ataupun persendirian dalam pembangunan hartanah. Sebagai contoh, di Jinjang, satu kawasan pembangunan campuran sedang dilaksanakan iaitu kawasan industri di Batu 6, Kepong Utara, di mana kawasan seluas 70 ekar dimajukan. Kawasan ini dapat menyediakan sejumlah 994 unit kilang untuk dijual termasuk kepada pengilang-pengilang haram yang beroperasi di kawasan Jinjang dan Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nampaknya ingatan saya tadi sehingga sudah tidak ada soalan tambahan langsung. Janganlah sampai macam itu, itu ingatan sahaja. (*Ketawa*) Ada yang berkaitan sedikit-sedikit itu bolehlah. Bukanlah orang kata terlalu ketat. Ingatan sahaja.

MALBATT—BANTUAN MENGATASI ANCAMAN PENGGANAS SERBIA

7. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pertahanan menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk membantu askar-askar Malaysia di Bosnia-Herzegovina berikutan dengan sikap dingin Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu negara tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan

sangat prihatin terhadap keselamatan anggota tentera yang bertugas di Bosnia-Herzegovina. Untuk itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah mempertingkatkan lagi keupayaan pasukan MALBATT bagi mempertahankan tugasnya serta mempertahankan diri. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) meningkatkan pertahanan dan keselamatan kem-kem;
- (ii) mengurangkan pergerakan-pergerakan kenderaan dan setiap pergerakan sekiranya perlu, dirancang dengan teliti serta dilaksanakan dengan teratur dan taktikal;
- (iii) memohon dari PBB untuk menambah lagi keupayaan MALBATT dari segi mobiliti dan fire power, dengan izin; dan
- (iv) kerajaan telah menamatkan penugasan pemerhati tentera, military observers, dengan izin di Bosnia-Herzegovina pada 2hb. Jun, 1995.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah bantuan makanan dan lain-lain kemudahan kepada askar-askar kita di Bosnia-Herzegovina sedangkan sekarang askar-askar ataupun pihak pengganas mengebom di sasaran PBB lebih-lebih lagi PBB di masa kini tidak bermaya lagi dan ada yang setengah-setengah negara menganggap bahawa PBB sekarang ini boleh dikatakan bankrap?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Al-hamdulillah, kemudahan-kemudahan seperti makanan dan lain-lain keperluan asas untuk tentera kita di Bosnia-Herzegovina agak terjamin. Yang menjadi masalahnya ialah bantuan makanan kepada mangsa-mangsa peperangan yang berada dalam keadaan yang lebih genting. Tetapi

tentera kita berada dalam kawasan yang agak selamat juga, tidak di tempat-tempat peperangan; maka setakat ini Al-hamdulillah masalah makanan dan lain-lain kemudahan untuk anggota tentera kita adalah terjamin.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, apakah jenis-jenis senjata yang telah dibekalkan kepada askar-askar kita di Bosnia-Herzegovina dalam menghadapi peperangan yang begitu merbahaya kerana saya difahamkan askar-askar kita yang berkhidmat di Malaysia ini hanya berpengalaman dalam peperangan di hutan. Jadi, adakah senjata-senjata yang dibekalkan itu jenisnya mampu menghadapi cabaran-cabaran peperangan di Bosnia-Herzegovina?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tentera kita hanya dibekalkan dengan senjata-senjata mortar yang kecil-kecil sahaja khusus untuk kerja-kerja pengaman sebagai Peace Keepers, bukan pun "Peace Enforcers", tetapi oleh kerana keadaan yang sekarang ini begitu genting di Bosnia-Herzegovina dan kita telah pun memohon kepada PBB untuk menambahkan bukan sahaja daripada segi senjata yang lebih sesuai untuk mempertahankan diri sekiranya berlaku pertempuran tetapi juga jumlah yang lebih besar untuk kita hantar bagi membantu pasukan kita di sana. Tetapi malangnya pihak PBB hanya meluluskan sejumlah 300 ke 350 orang sahaja dan ini kita telah pun terima tetapi dalam proses untuk memohon untuk menghantar lebih ramai lagi. Insya Allah tunggulah apa yang dibuat sebagai keputusan oleh PBB.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengemukakan satu soalan yang ada kaitannya dengan satu interview di TV3 pada dua minggu yang lepas berkaitan dengan ketua tentera yang pulang dari Bosnia-Herzegovina, di-"interview"kan oleh TV3 yang berbunyi:

Dia memaklumkan "bahawa saya telah ditahan sebulan dalam kontena di Bosnia-Herzegovina".

Adakah ini satu perkara yang benar dan yang kedua adakah ini akan memberi satu impak yang tidak baik kepada rakan-rakan tentera kita yang akan ke Bosnia-Herzegovina nanti. Saya minta pihak kementerian patut membuat satu siasatan adakah maklumat ini satu maklumat yang benar ataupun satu maklumat yang hanya membuktikan ketidaktahanan tentera-tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina dalam menghadapi suasana yang begitu gawat pada hari ini?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini secara rasminya pihak kami di Kementerian Pertahanan tidak menerima laporan berkenaan dengan ada antara anggota-anggota kita yang ditahan dalam kontena dan pihak saya akan siasat perkara ini dan akan membuat laporan kepada Yang Berhormat sekiranya benar perkara ini berlaku. Setakat ini tidak ada laporan rasmi berkenaan kejadian tersebut.

RUMAH ORANG-ORANG TUA—MENAMBAHKAN

8. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi rumah-rumah orang tua di seluruh negara memandangkan rumah-rumah orang tua yang sedia ada tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan dan sila beritahu buat masa ini negara kita mempunyai berapa buah rumah orang tua persendirian yang dikendalikan oleh pihak swasta dibandingkan dengan yang dikendalikan oleh pihak kerajaan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat

prihatin terhadap nasib wargatua yang daif kerana tidak mempunyai keluarga untuk menjaga mereka. Justeru itu, kerajaan telah membangunkan rumah orang tua yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menampung wargatua yang memerlukan jagaan dan perlindungan.

Kini terdapat 8 buah rumah orang tua yang dinamakan Rumah Seri Kenangan yang mampu menampung 2,450 orang penghuni di seluruh negara. Pada hari ini, jumlah penghuni yang ada di rumah-rumah tersebut hanya 2,015 orang. Di samping itu, terdapat 108 buah rumah orang tua yang dikendalikan oleh Majlis Pusat Kebajikan dan 8 buah lagi oleh badan-badan sukarela yang lain yang mampu menampung sejumlah 1,498 orang wargatua. Kementerian sentiasa mengkaji mengikut keperluan wargatua negara ini dan akan menambah bilangan rumah orang tua dari masa ke semasa jika diperlukan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas sikap prihatin Kerajaan terhadap wargatua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat rumah orang-orang tua yang lebih tua daripada penghuni wargatua itu sendiri?

Yang keduanya, adakah kerajaan untuk memberikan keselesaan kepada wargatua bercadang untuk menswastakan rumah-rumah wargatua ini supaya dibangunkan semula dan dikenakan sedikit bayaran kepada anak-anak yang menghantarkan wargatua ke rumah-rumah berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua: Dua soalan tambahan. Tak mengapa, teruskan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, pasal rumah-rumah orang tua yang tidak selesa ataupun lebih tua dari orang tua, perkara ini kementerian akan mengkaji dan

sekiranya ada, tentu sekali akan diubahsuai. Soalan yang kedua tadi, kalau boleh minta Yang Berhormat ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua cabang soalan tadi. Yang kedua itu mengenai bayaran ataupun apa, Tuan Rahim? Boleh diswastakan.

Tuan Rahim bin Baba: Suruh saya tanya balik atau apa?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rahim tadi ada 2 soalan tambahan. Jadi, Timbalan Menteri sudah menjawab soalan yang pertama. Yang kedua tadi kalau tidak salah, sama ada hendak diswastakan atau tidak perkhidmatan itu? Itu lebih kurang. Sudah lupa soalnya? (*Ketawa*)

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Baik, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai rumah-rumah orang tua ini akan diswastakan, pada masa ini kementerian belum ada cadangan.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, terdapat bahawa penghuni rumah orang tua ini mempunyai anak-anak dan keluarga. Apakah langkah kementerian untuk mengatasi penyakit masyarakat ini?

Yang kedua, adakah bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan mencukupi untuk membiayai perbelanjaan rumah-rumah orang tua? Kalau tidak, apa tindakan kerajaan?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya terangkan tadi, rumah orang tua ini ada 3 jenisnya. Yang pertama ialah dibelanjakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan sepenuhnya.

Yang kedua ialah rumah orang tua yang dikendalikan oleh Majlis Pusat Kebajikan (Central Welfare Council). Ini hanya menerima geran dari kerajaan.

Yang ketiga itu ialah jenis rumah orang tua yang dikelolakan oleh badan sukarela. Sekiranya orang tua berkenaan mempunyai anak-anak dan keluarga, adalah lebih baik menghantar orang tua itu ke rumah orang tua yang dikendalikan oleh NGO.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Puan Hajah Selemiah tidak mahu bertanya lagi? Sama? Tuan Abdul Rashid Ismail.

TAHUN ALAM SEKITAR ASEAN—KEBERKESANAN

9. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah penilaian Kementerian terhadap Tahun Alam Sekitar ASEAN (AEY) yang dilancarkan Januari lalu bagi mengenalpasti keberkesanannya dalam meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung isu pemuliharaan alam sekitar di rantau ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian berpendapat bahawa program-program yang telah dianjurkan oleh Malaysia sempena Tahun Alam Sekitar ASEAN adalah amat memberangsangkan. Apa yang lebih menarik ialah kementerian telah menerima sumbangan dan kerjasama yang amat menggalakkan daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan agensi swasta termasuk badan-badan korporat. Kerjasama tersebut telah berjaya memberi kesedaran bukan sahaja kepada orang ramai malah kepada agensi-agensi swasta dan badan-badan korporat itu sendiri untuk lebih prihatin terhadap persekitaran mereka. Dengan kesedaran ini mereka telah mula menunjukkan minat yang mendalam dalam program kesedaran alam sekitar di kalangan orang ramai sebagai memenuhi komitmen mereka dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang berkaitan dengan alam sekitar. Ini adalah

merupakan satu perkembangan yang amat membanggakan. Dengan adanya komuniti swasta dan korporat yang prihatin terhadap alam sekitar, maka kementerian yakin hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran dan bertanggungjawab dalam pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar dapat dicapai dalam masa yang terdekat ini, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Tuan Abdul Rashid.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati bahawa walaupun perkara-perkara ini berlaku iaitu kesedaran kepada orang ramai sebagaimana yang Menteri menjawab tadi, saya ingin hendak kemukakan satu soalan iaitu yang berkaitan dengan tindakan-tindakan dan jabatan terhadap pencemaran alam sekitar ini. Dewasa ini kita melihat banyak perkara-perkara berlaku dan kita sedar bahawa jabatan itu juga tidak berkemampuan untuk mendapat maklumat yang terkini dan tindakan yang secepat mungkin. Kita rasa bahawa oleh sebab negara telah membangun, orang akan mengambil keuntungan yang lebih, itu tak kisahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rashid, boleh beri soalan.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Soalan—jadi oleh yang demikian, saya hendak tanya kepada Menteri sama ada kementerian bercadang untuk menambah dan melipatgandakan pegawai dan penguatkuasa jabatan ini dalam soal tindakan terhadap perkara-perkara yang berlaku pada masa ini. Kerana saya lihat kemampuan jabatan ini tidak begitu yang kita harapkan.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kementerian bercadang untuk menambah dan memperkuatkan lagi tindakan-

tindakan dan menambahkan kakitangan-kakitangannya untuk menguatkuasakan. Kerana, perkara alam sekitar ini adalah perkara baru kepada kita dan kementeriannya baru diwujudkan beberapa tahun kebelakangan ini dan kesedaran masyarakat tentang alam sekitar ini ianya menonjol sejak akhir-akhirnya, maka itulah usaha-usaha untuk menambahkan sedang dipergiatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya mungkin Ahli Yang Berhormat tidak tahu bahawa kita menghadapi sedikit breakdown hawa dingin sejak tadi. Saya rasa tentu ada yang resah tetapi tidak tahu apa sebabnya. Berita baik, air-condition sudah dibaiki semula, sudah seperti biasa. Jadi, ada soalan tambahan lagi?

ETIKA KERJA AHLI PENTADBIRAN KERAJAAN

10. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Etika Kerja yang akan dilaksanakan dapat mengatasi permasalahan seperti:

- (a) menjalankan perniagaan peribadi;
- (b) terlibat dalam membuat keputusan yang bercanggah kepentingan; dan
- (c) berkelakuan tidak sopan (berkhalwat) dan jika ya, adakah Etika Kerja itu akan mempunyai kuatkuasa undang-undang terhadap Ahli Pentadbiran Kerajaan jika melakukan penyelewengan dan kesalahan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab pada 3.7.95 berserta dengan soalan Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

PENDAKWAH/GURU AGAMA BERKEMAHIRAN—USAHA MENGADAKAN

11. Puan Mastika Junaidah binti Husin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dijalankan oleh Pusat Islam untuk mengadakan pendakwah dan guru agama yang mempunyai ilmu yang cukup, kefahaman agama yang global dan mempunyai pemikiran yang pragmatik bagi memenuhi keperluan rakyat yang sangat berminat untuk mendalami ilmu yang dapat membawa mereka menghayati hidup sebagai muslim sejati. Kekosongan ini sering diisi oleh pendakwah yang berfikiran sempit dan mengongkong pembangunan umat Islam atau pihak yang menggunakan agama untuk kepentingan diri; dan
- (b) apakah tindakan kementerian terhadap pihak yang mengguna dan memperalatkan agama untuk kepentingan diri kumpulan dan puak tertentu, sehingga merosakkan imej agama Islam sendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri mengadakan berbagai program sebagai usaha untuk melahirkan pendakwah dan guru-guru agama yang mempunyai ilmu yang cukup serta berfikiran terbuka, bukan sahaja dari segi ilmu agama, malah pendedahan juga diberikan berhubung dengan dasar-dasar negara, ilmu ekonomi dan politik. Bagi jangka masa pendek, program seperti seminar, bengkel dan kursus didedahkan kepada para

pendakwah, manakala bagi jangka masa panjang pula peluang-peluang belajar di bawah Skim Latihan di peringkat sarjana dan lanjutan sentiasa diatur dari masa ke semasa.

- (b) Kerajaan sentiasa sedar bahawa ada golongan yang mengambil kesempatan memperlakukan agama untuk kepentingan diri dan kelompok dan pihak kerajaan sentiasa mengawasi serta berwaspada dengan golongan berkenaan. Sekiranya keadaan tersebut boleh menjejaskan keamanan dan suasana setempat serta menjejaskan keselamatan negara, maka tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soal penyelarasan untuk memperingkatkan kefahaman agama kepada rakyat negara kita, adakah pihak Jabatan Agama di Jabatan Perdana Menteri akan membuat sesuatu tindakan yang lebih berkesan, iaitu untuk mengembalikan fungsi asal masjid. Dengan adanya satu tindakan yang tegas, maka penyelewengan-penyelewengan, terutama misal kata, penubuhan Jemaah Al-Quran yang akhir-akhir ini begitu ketara yang seolah-olah mengeneipkan bahawa Nabi itu adalah sebagai Nabi. Kerana mengeneipkan Hadis, bermakna mengeneipkan Nabi, jadi salah satu daripada perkara yang amat penting. Jadi, dengan adanya fungsi asal masjid ini, saya ingat akan dapat memberi lebih berkesan.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan berkenaan. Kerajaan Pusat sekarang ini telah turun ke medan secara langsung untuk melihat kepada program dan pelaksanaan agama melalui masjid-masjid. Malah telah diumumkan oleh Timbalan Perdana

Menteri bahawa satu yayasan akan ditubuhkan segera, iaitu Yayasan Pembangunan Masjid yang merangkumi soal-soal pembangunan fizikal, program-program dan pentadbiran hal masjid ini. Tujuan matlamat besar ialah untuk melihat supaya masjid ini tidak diambil kesempatan oleh pelbagai pihak untuk tujuan-tujuan kelompok masing-masing.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang Arqam. Kita difahamkan Arqam telah diharamkan. Adakah kerajaan berpuas hati yang mana pendakwah-pendakwah Arqam tidak lagi menjalankan dakwah kepada masyarakat setempat? Adakah kerajaan bercadang untuk mengambil pendakwah ini diserap kepada mana-mana pertubuhan yang ingin memperkembangkan aktiviti-aktiviti Islam?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebut bahawa Arqam telah diharamkan, ini bererti bahawa mereka tidak boleh lagi menjalankan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti mereka. Pada masa ini pihak kerajaan mengatur program-program supaya pemimpin-pemimpin mereka sendiri memberi penerangan dan membuat reformasi kepada pengikut-pengikut mereka.

Bagi soalan yang terakhir, sekiranya mereka telah kembali kepada aliran yang sebenar dan kepada 'mainstream' arus perdana Islam dan kerajaan, maka tidak menjadi halangan kita mengambil yang termampu di kalangan mereka untuk menjadi pendakwah dalam negara kita.

PROGRAM RAKAN MUDA REKREASI—KAJIAN SEMULA

12. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada

akan mengkaji balik program Rakan Muda Rekreasi yang dilancarkan baru-baru ini kerana ianya tidak mendatangkan kebaikan dan sebaliknya program ini menampakkan moral remaja yang semakin runtuh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara jelas perancangan Program Gaya Hidup Rakan Muda tidak memberi ruang kepada wujudnya unsur-unsur negatif. Program ini dirangka untuk mengisi masa terluang anak-anak muda dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat yang dapat memupuk sistem dan orientasi nilai-nilai murni.

Program Rakan Rekreasi adalah program yang dapat memenuhi minat dan kecenderungan anak muda dalam aktiviti rekreasi seperti mendaki, berkenu, permainan berkumpulan dan lain-lain yang merupakan aktiviti sihat dan ceria. Program ini dapat mengengahkan konsep kesedaran dan cintakan alam semula jadi serta memupuk sifat disiplin. Pengajaran aktiviti rekreasi luar juga akan membangkitkan rasa kesyukuran kepada Ilahi tentang pemberianNya serta betapa pentingnya sumber alam kepada kehidupan manusia. Ia akan memperkukuhkan lagi kecintaan terhadap anugerah Ilahi kepada manusia dan semangat ingin menjaga sumber asli supaya tidak tercemar dan dikekalkan untuk manfaat generasi akan datang.

Kementerian Belia dan Sukan akan mengadakan pengawasan rapi dan sentiasa berhati-hati untuk melaksanakan aktiviti yang akan dibuat agar tidak bertentangan dengan perilaku yang tidak sesuai.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabas di atas tindakan kerajaan melancarkan program Rakan Muda ini. Saya yakin seperti mana program-program yang lain juga, program ini sudah tentu menghadapi beberapa masalah dan kelemahan. Saya

pohon izin untuk mengetahui apakah jenis kelemahan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam melaksanakan rancangan Rakan Muda ini dan apakah tindakan-tindakan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan ini?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, setakat ini Kementerian Belia dan Sukan tidak menghadapi apa-apa masalah. Pada setakat ini kita ada peserta yang mendaftar seramai lebih daripada 1,033,122 peserta. Jadi, kita anggar bahawa angka-angka ini akan meningkat pada masa akan datang dan kita akan bersikap proaktif. Jika ada masalah, kita akan selesaikannya dengan sebaik mungkin.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya mendapat maklumat bahawa program Rakan Muda yang dilancarkan dan dilaksanakan di negara kita banyak melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Adakah ini benar?

Satu lagi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah usaha-usaha pihak kementerian supaya program Rakan Muda ini dapat diintegrasikan di dalam persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan belia yang sedia ada supaya persatuan-persatuan dan pertubuhan belia yang sedia ada ini mendapat suntikan untuk mereka lebih maju dalam program-program yang akan mereka laksanakan.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, memang benar di antara mereka yang mendaftar untuk menjalankan program Rakan Muda adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah oleh kerana program kita ini terbuka untuk semua belia di negara iaitu di antara umur 15 hingga ke-40 tahun.

Tentang pembabitan persatuan-persatuan belia di negara ini dengan program Rakan Muda, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Rakan Muda dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan yang ada di negara kita. Jadi, insya Allah, setakat ini kerjasama yang ada di antara persatuan-persatuan belia dan kementerian begitu baik dan kita harap kerjasama ini akan diteruskan lagi.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen asingkan pelajar dari Kementerian Pendidikan, dan Kementerian Belia dan Sukan ini mengambil belia-belia yang gagal dalam persekolahan terutama di kampung-kampung, kerana ramai sangat mereka tidak daftar, kementerian hanya menumpukan kepada belia-belia tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Program Rakan Muda ini adalah untuk semua dan sikap yang kita hendak ambil adalah sikap positif iaitu tumpuan kita bukan hanya pada mereka-mereka yang, dengan izin, dropout daripada sekolah, tetapi belia-belia yang mempunyai kemampuan untuk meningkatkan lagi prestasi diri mereka. Jadi, saya kira jika kita mengadakan dua.....

Tuan Yang di-Pertua: Kumpulan.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:dua camp, dua kumpulan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini tidak begitu baik. Oleh kerana jika boleh kita hendak dua-dua kumpulan ini dapat berinteraksi antara satu dengan lain, supaya nilai-nilai yang baik, yang ada daripada kumpulan yang positif ini dapat diterapkan kepada mereka yang tidak begitu bernasib baik.

MALAYSIA SEBAGAI GARDEN STATE— PERUNTUKAN DIPERLUKAN

13. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan yang diperlukan untuk menjadikan Malaysia sebagai “garden state” seperti yang disarankan oleh Y.A.B Perdana Menteri menjelang tahun 2005 dan;
- (b) bilakah rancangan “garden state” ini akan dimulakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum dapat menentukan anggaran peruntukan bagi melaksanakan program melandskapkan seluruh negara. Maklumat daripada pihak berkuasa tempatan dan agensi yang terlibat sedang diperolehi.
- (b) Rancangan “garden state” akan dimulakan pada tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Dol bin Dolah.

Tuan Haji Zainal bin Haji Md. Deros: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan yang ke-14.

GADIS DI BAWAH UMUR YANG DILAPOR HILANG— BILANGAN

14. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapa ramai gadis-gadis bawah umur yang telah dilaporkan hilang dari tahun 1994 sehingga pertengahan tahun 1995.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):

Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang diperolehi daripada pihak polis, jumlah gadis-gadis bawah umur yang dilaporkan hilang dari tahun 1994 hingga bulan Mac, 1995 adalah seramai 2,373 orang.

PENYELEWENGAN AKIDAH UMAT ISLAM—LANGKAH MEMBENDUNG

15. Puan Hajah Zaleha binti Hussin minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keadaan gerakan yang sudah memesongkan akidah umat Islam di dalam ceramah-ceramah mereka yang dianggap berbahaya:

- (a) apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh kerajaan untuk membendung keadaan penyelewengan akidah umat Islam di negara ini;
- (b) sejauh manakah kerajaan merasakan bahayanya gerakan PAS ini yang boleh menggugat keselamatan umat Islam di negara ini; dan
- (c) apakah penggunaan Islam oleh parti PAS masih terus dihalalkan oleh kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) langkah positif yang akan diambil oleh kerajaan untuk membendung penyelewengan akidah umat Islam di negara ini ialah dengan melaksanakan program meningkatkan kefahaman Islam di kalangan seluruh masyarakat terutama mereka yang didapati menyeleweng daripada akidah Islam yang sebenar.
- (b) kerajaan terus-menerus mengkaji dengan teliti mengenai bahayanya

gerakan PAS yang mungkin boleh menggugat kerukunan hidup umat Islam di negara ini.

- (c) penggunaan perkataan 'Islam' bagi nama sebuah parti politik masih di peringkat kajian. Kita perlu melihatnya dari berbagai aspek.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—SEBAB BELIA TIDAK BERMINAT

16. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab golongan belia kurang berminat untuk memasuki Angkatan Tentera Malaysia. Adakah di antara sebabnya adalah kerana gaji yang rendah dan kemudahan lain yang tidak menarik. Adakah juga membuktikan bahawa budaya berbakti dan pengorbanan untuk menyahut seruan mempertahankan negara semakin merosot di kalangan belia negara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan minat golongan belia memasuki ATM (Angkatan Tentera Malaysia) bukan sahaja disebabkan gaji yang rendah dan kemudahan yang tidak menarik, tetapi juga disebabkan oleh:

- (a) peluang pekerjaan yang terbuka luar di sektor-sektor lain khasnya sektor-sektor swasta yang lebih banyak.
- (b) syarat-syarat perkhidmatan dan disiplin yang ketat dalam perkhidmatan ATM juga faktor-faktor yang menyebabkan setengah-setengah belia tidak mahu memasukinya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar dibuktikan yang budaya berbakti dan pengorbanan mempertahankan negara telah merosot di kalangan belia. Dari

kajian yang dilakukan didapati faktor-faktor ekonomi, peluang melanjutkan pelajaran dan menceburi bidang-bidang kerjaya yang memberi pulangan yang lebih tinggi merupakan antara sebab-sebab kurangnya minat belia untuk memasuki ATM.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bahawa minat belia-belia kita untuk menyertai Angkatan Tentera amat berkurangan, bukan disebabkan sangat oleh gaji ataupun kemudahan-kemudahan, tetapi mungkin ada sebab-sebab lain. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan bercadang supaya semangat 'budaya berbakti' dan juga 'berkorban' untuk negara ini ditanam di peringkat sekolah rendah lagi supaya mereka ini boleh memasuki Angkatan Tentera?

Yang keduanya, untuk mengatasi masalah pertahanan negara dari segi jangka panjang, adakah kerajaan juga bercadang untuk mengadakan 'national service' seperti mana yang diadakan oleh negara-negara jiran kita?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama, saya setuju tentang 'budaya berkorban' ini di kalangan masyarakat kita harus ditanam lebih awal lagi daripada sekolah; memang masa yang sesuai untuk kita tanamkan semangat 'budaya berkorban' untuk negara. Dan kita harus juga menggunakan apa sahaja ruang dan badan tertentu untuk memastikan semangat sanggup berkorban ini harus berada di sanubari atau di hati setiap warganegara kita, untuk memastikan bila perlu semua masyarakat negara kita boleh dikerahkan untuk mempertahankan negara.

Yang kedua, berkenaan dengan national service. Setakat ini pihak kerajaan tidak membuat keputusan untuk mengadakan national service. Pihak kerajaan lebih

berminat untuk menambahkan anggota-anggota di kalangan masyarakat umum untuk berkhidmat sebagai sukarela di dalam Askar Wataniah. Dan ini satu program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan. Yang pentingnya kita mahu masyarakat secara spontan, secara volunteer memasuki mana-mana pasukan Askar Wataniah, supaya kita dapat pergi kepada mereka bila perlu. Dan kita mahu—kalau boleh, sebagai target kita, walaupun agak tidak mudah untuk mencapai tahap di mana setiap iaitu anggota tentera Malaysia, kita ada seorang askar wataniah. Itu adalah satu usaha yang sedang kita cubakan, walaupun kita kata payah, tetapi ini adalah satu matlamat yang kita akan buat secara berterusan.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah salah satu daripada sebab kenapa di kalangan belia-belia ini tidak mahu masuk Angkatan Tentera kerana peluang untuk melanjutkan pelajaran tidak diberi kepada mereka. Saya ambil satu contoh. Contoh ini memang benar iaitu dua orang daripada Angkatan Tentera, Bahagian Jurugegas Kelas I dan seorang lagi Bahagian Tukang Jahit dan telah berkhidmat selama 14 tahun, telah memohon untuk melanjutkan pelajaran ataupun untuk menyertai kursus yang lebih atas lagi, tetapi tidak diberi peluang. Jadi, cerita-cerita yang seumpama ini membawa kesan di kalangan belia tidak berminat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, antara sebab-sebabnya mengapa belia-belia kita tidak berminat memasuki ATM, oleh kerana kurang peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran. Itulah sebab mengapa Kementerian Pertahanan telah pun membentangkan satu kertas kerja pada kerajaan pada bulan Mei, 1994 bagi dipertimbangkan secara menyeluruh dari segi keperluan dan dari segi peluang-peluang, dari segi kemudahan-kemudahan

dan sebagainya pada anggota-anggota tentera seperti elaun, gaji dan sebagainya agar ianya akan lebih menarik pada masyarakat belia khususnya untuk menyertai ATM.

Mengenai peluang melanjutkan pengajian pelajaran mereka. Pihak Kementerian Pertahanan juga telah pun membuat satu kertas kerja dan telah pun mengusahakan agar banyak lagi peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti dengan mengadakan tabung-tabung yang tertentu, ataupun kerjasama dengan lain-lain badan kewangan untuk memastikan pegawai-pegawai kita yang berkelayakan boleh terus melanjutkan kerjaya mereka di tahap yang lebih tinggi lagi. Insya Allah.

KAD PENGENALAN YANG TIDAK DITUNTUT—BILANGAN

17. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kad-kad pengenalan yang tidak dituntut sehingga pertengahan 1995 dan apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 16,413 kad pengenalan yang telah siap masih belum dituntut pada 31hb Mei, 1995. Ini berlaku disebabkan antara lain pemiliknya telah berpindah dari alamat asal yang tidak dapat dihubungi.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian berpuas hati terhadap sambutan orang ramai mengenai exercise pertukaran kad pengenalan bermutu tinggi setakat ini?

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk membuat kempen dan propaganda di televisyen, radio, surat khabar dan sebagainya supaya orang ramai sedar exercise pertukaran kad pengenalan bermutu tinggi hanya tinggal dua tahun sahaja?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tarikh yang telah pun ditetapkan ialah 31hb Disember, 1996 iaitu tinggal kira-kira satu setengah tahun. Pada masa ini kerajaan tidak membuat apa-apa keputusan untuk melanjutkan sebab pendirian kerajaan ialah supaya pihak Jabatan Pendaftaran Negara dan juga orang ramai mesti mengambil dengan serius tarikh tamat itu supaya semua rakyat akan menukar kad pengenalan tanpa menunggu-nunggu lagi. Sekiranya kita melanjutkan dua tahun lagi, maka orang ramai akan ingat lama lagi dan mereka tidak mahu pergi membaharui dan jabatan pun mungkin ingat ada masa lagi maka pemerosesannya pun akan lambat.

Baru-baru ini pihak kementerian telah berulang kali mengingatkan semua pihak bahawa kerajaan tidak akan melanjutkan tempoh pembaharuan. Maka semua pihak telah mengambil serius dan kesedaran itu memang sudah ada dan tidak payah kita membuat kempen melalui televisyen. Sekarang orang ramai sudah mengambil perkara ini sebagai "urgent". Saya rasa kesedaran sudah cukup.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kad Pengenalan yang tidak dituntut sebanyak lebih daripada 16,000 seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendaftaran Negara di Kota Kinabalu di mana terdapat kad-kad pengenalan yang tidak dituntut diiklankan. Setelah diiklankan, maka kita lihat banyak kad-kad pengenalan yang tidak dituntut itu telah pun dituntut.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian bercadang bagi seluruh negara nama-nama pemegang kad pengenalan yang tidak dituntut, seperti di Sabah - mereka yang tidak dapat dihubungi disebabkan pertukaran alamat - supaya mengetahui bahawa kad pengenalan mereka telah pun tersedia. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya sesebuah negeri ibu pejabatnya mengiklankan nama, mungkin itu dalam kemampuan sesebuah pejabat di sesuatu negeri atau tempat. Tetapi untuk seluruh negara kalau kita hendak iklankan 16,000 atau mungkin akan naik menjadi 20,000, dari segi itu mungkin ia akan lebih mengelirukan kerana ada banyak permohonan yang sebenarnya bukan tidak dituntut tetapi masih dalam proses dan rakyat ingat kalau namanya tidak ada dalam senarai yang diiklankan, maka ia tidak akan pergi mengambil.

Jadi, nasihat kementerian ialah lebih elok sesiapa yang sekiranya kad pengenalan mereka lebih daripada satu setengah tahun masih belum ada jawapan, hubungilah Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan sama ada namanya ada di dalam kad yang telah disiapkan tetapi belum dituntut. Dari segi itu akan menjimatkan wang dan masa semua pihak. Itu yang lebih penting.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sekiranya tidak ada kad pengenalan itu keluar dalam tempoh satu setengah tahun boleh menghubungi Jabatan Pendaftaran Negara. Tetapi sekiranya orang yang memohon kad pengenalan ini menunggu lebih daripada dua tahun, sehingga empat, lima tahun, apakah yang harus dibuat? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin ada yang sampai empat, lima tahun kerana exercise ini baru empat tahun lebih sahaja. Bagi mereka yang telah menunggu lebih daripada dua tahun, ada sebahagian kecil memang telah pun lama sangat sehingga dua atau tiga tahun lebih. Ini adalah kerana golongan ini termasuk dalam satu golongan yang mana mereka telah memohon pindaan butiran. Mereka hendak pinda ejaan nama, tarikh lahir dan sebagainya dalam dokumen-dokumen sokongan pada masa

dia mengemukakan permohonan kad pengenalan baru pada satu ketika dahulu. Tetapi prosedur yang rumit ini telah pun dikecualikan sejak tahun lalu. Maknanya, mulai sekarang tidak ada lagi prosedur-prosedur yang merumitkan dan golongan yang terpaksa menunggu lebih daripada dua, tiga tahun ini sudah tidak timbul lagi. Yang timbul hanyalah 'backlogs' yang dahulu dan baharu-baharu ini kementerian telah pun memberi arahan kepada Jabatan Pendaftaran Negara supaya apa-apa 'backlogs' yang lama-lama mesti diselesaikan menjelang penghujung tahun ini. Kalau tidak selesai, maknanya permohonan itu ada masalah dan mungkin kena memohon semula. Tetapi itu bilangannya kecil sahaja.

TALI PINGGANG KELEDAR— MENGEQUALIKAN PENGUNAAN DI DALAM BANDAR

18. Puan Hajah Rahmah binti Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian berkenaan tidak bercadang untuk mengecualikan penggunaan tali pinggang keledar ketika berurusan di bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan penggunaan tali pinggang keledar ketika memandu di dalam bandar. Sekian.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati masih ada lagi di antara VIPs yang tidak memakai tali pinggang keledar. Apakah ada kategori orang-orang yang tertentu yang dikecualikan daripada memakai tali pinggang keledar ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Saad pun agaknya VIP juga, tak? Bagaimana? *(Ketawa)*

Tuan Saad bin Haji Man: Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man. Sebagai makluman, semua pemandu kereta pada ketika memandu kereta diwajibkan untuk memasang tali pinggang keledar, tidak kira sama ada pemandu kereta ini seorang VIP seperti Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man ataupun rakyat biasa. Walau bagaimanapun, terdapat tiga golongan atau tiga kategori orang yang dapat dikecualikan daripada peraturan ini. Mereka adalah terdiri seperti berikut:

- (i) Anggota polis, tentera, bomba dan ambulans;
- (ii) mana-mana orang yang mendapat pengesahan daripada dua orang pengamal perubatan yang berdaftar yang menyatakan pemakaiannya tidak sesuai dari segi kesihatan. Dalam perkataan lain, orang-orang dalam kategori ini terpaksa memohon kepada Kementerian Pengangkutan; dan
- (iii) mana-mana orang yang dikecualikan oleh Menteri melalui perintah dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Rahmah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, pengecualian tali pinggang keledar semasa berurusan di bandar patutlah dikecualikan kerana ramai rakyat terjerat dengan penahanan pemeriksaan polis yang dibuat di tengah-tengah bandar serta di pekan-pekan kecil. Kadang-kadang tidak sampai suku kilometer berurusan dari satu urusan ke satu urusan sudah pun kena. Saya ingin mendapatkan kepastian, adakah kementerian ini sedar betapa ramai rakyat yang terbabit dengan kesan yang

seumpama ini? Adakah kementerian ini pernah berbincang bersabit dengan perkara ini? Nampaknya perkara ini kecil tetapi besar ertinya kepada rakyat yang terlibat dengan perkara ini. Bayaran dendanya pun boleh tahan! (*Ketawa*)

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya peraturan mewajibkan semua pemandu memasang tali pinggang keledar semasa memandu kereta bukan semata-mata untuk menyusahkan rakyat. Sebenarnya, niat kerajaan adalah baik dari segi keselamatan pemandu kereta. Buat masa ini kita dapat melihat kadar kemalangan yang mengakibatkan kematian di jalan raya begitu dahsyat sekali. Oleh yang demikian, saya percaya sama ada memandu kereta di luar bandar atau di dalam bandar lebih baik peraturan ini dikekalkan.

BEKALAN ELEKTRIK DI KAWASAN PEDALAMAN SARAWAK

19. Tuan Ding Seling minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa ramai penduduk di tempat-tempat pedalaman (yang bukan berpindah-randah) di Sarawak yang belum lagi menikmati bekalan letrik. Jika sedar, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk membekalkan elektrik kepada mereka berkenaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa sehingga suku kedua tahun 1994 peratusan penduduk Sarawak yang mendapat bekalan elektrik adalah 66.6%, dan pada tahun 2000 pihak kami berharap dapat mencapai sasaran 90%, dan 100% pada tahun 2005. Memandangkan jumlah kampung dan rumah panjang yang memerlukan bekalan elektrik adalah banyak dan sumber kewangan yang mana dalam bentuk peruntukan kerajaan adalah amat terhad, maka pelaksanaan projek

bekalan elektrik luar bandar di Sarawak adalah berperingkat-peringkat mengikut keutamaan berikut:

- (a) kawasan yang dikenalpasti untuk dimajukan oleh pihak kerajaan dan kos pelaksanaan adalah rendah;
- (b) kawasan yang mempunyai potensi ekonomi yang tinggi;
- (c) kawasan yang berdekatan dengan sumber kuasa elektrik yang sedia ada;
- (d) kawasan yang mempunyai pertambahan permintaan di sistem sedia ada.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah bersetuju dengan perluasan skop program bekalan elektrik luar bandar daripada sistem penyambungan talian grid kepada sistem-sistem lain, iaitu solar, generator, hybrid, mini hidro dan sistem-sistem lain yang bersesuaian.

Ingin saya memaklumkan juga bermula dari tahun 1994 pelaksanaan elektrik luar bandar telah diambil alih oleh pihak swasta, di mana pihak Pejabat Pembangunan Negeri bertindak sebagai penyelaras. Pihak-pihak yang ingin memohon bekalan elektrik luar bandar adalah dinasihatkan berhubung terus dengan Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak.

RUMAH KOS RENDAH— DASAR KERAJAAN

20. Puan Kian Sit Har minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang rumah kos rendah. Setakat ini, dasar kerajaan ialah untuk membina rumah-rumah kos rendah:

- (a) negeri-negeri manakah yang telah memenuhi peratusan pembinaan rumah kos rendah yang telah ditetapkan; dan
- (b) negeri-negeri manakah yang belum menepati peratusan ini dan mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Usaha membina rumah kos rendah untuk golongan rakyat berpendapatan rendah adalah dasar yang berterusan sehingga matlamat mengadakan kemudahan perumahan golongan ini tercapai. Setakat ini tidak ada negeri yang telah memenuhi sasaran yang ditetapkan.
- (b) Ini adalah disebabkan oleh masalah perubahan tapak, perubahan pelan susunatur dan reka bentuk rumah yang perlu diselaraskan dari masa ke semasa bagi memastikan kos pembinaannya dalam lingkungan RM25,000. Peningkatan kos infrastruktur seperti kos jalan dan perparitan, bekalan air dan bekalan api serta sistem rawatan kumbahan najis juga adalah faktor-faktor yang melewatkan pelaksanaan rumah kos rendah. Di samping itu, sistem penyampaian perumahan mengambil masa yang panjang. Sebagai contoh, masa yang diambil dari bermulanya pengenalan atau identification, dengan izin, projek hingga penyerahan kunci kepada pembeli biasa mengambil masa tiga hingga lima tahun.

SISTEM "ON-LINE CENTRALIZED INSURANCE DATABASE SYSTEM"

21. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan "on-line centralized insurance database system" untuk membolehkan Jabatan Pengangkutan membuat pengesahan di atas "authen city and validity" semua "insurance cover notes" yang digunakan oleh pemilik kenderaan ketika memperbaharui cukai jalan kenderaan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menyediakan kemudahan sistem 'on-line centralized insurance database', dengan izin, seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man sedang dikaji dengan teliti oleh Bank Negara Malaysia dengan kerjasama lain-lain pihak yang berkenaan. Memandangkan pelaksanaan sistem tersebut akan melibatkan kos yang terlalu tinggi, kajian yang teliti harus dibuat terlebih dahulu sebelum ianya dapat dilaksanakan. Selain daripada itu, kemungkinan untuk menyediakan pilihan untuk sistem-sistem lain yang boleh mengatasi masalah pemalsuan nota perlindungan insurans juga sedang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Ahli-ahli pentadbiran, jawapan oleh Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen kepada perbincangan Titah Di-Raja akan bermula lebih kurang 4.30 petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.22 hingga 58 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan”.

(4hb Julai, 1995).

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Hanipah.

3.35 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik negara menzahirkan pembangunan ekonomi yang padat. Rakyat dapat menikmati kemakmuran negara. Usaha-usaha pembangunan dalam bidang ekonomi di bandar dan di luar bandar akan dapat diteruskan. Keyakinan rakyat bagi mewujudkan suatu bangsa yang maju hidup dalam harmonis dapat dicapai. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menggunakan semua undang-undang dan kuasa-kuasa yang ada bagi menjamin supaya tidak ada golongan atau pihak-pihak tertentu yang cuba menggunakan isu perkauman dan agama untuk mencapai cita-cita politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, kerajaan harus berwaspada dan berjaga-jaga supaya tidak terdapat anasir-anasir dari luar negara yang cuba mencetuskan ketidakstabilan sosial dan keutuhan ekonomi negara dengan mengenakan tekanan mengikut ideologi masing-masing. Dengan demikian, saya mencadangkan Malaysia akan terus mengekalkan dasar luar yang bebas dari segi politik dan ekonomi. Saya percaya, dengan dasar luar yang bebas ini akan membolehkan Malaysia bersuara di forum-

forum di peringkat antarabangsa dengan bebas. Buktinya sikap tegas Malaysia di krisis Balkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan amat bersetuju terhadap wawasan kerajaan bagi mewujudkan Malaysia selaku negara perindustrian berteknologi tinggi dan negara bermasyarakat bermaklumat. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, China, Perancis, Jepun dan Korea kini sudah menerokai ke alam perindustrian berteknologi tinggi yang canggih. Saya mencadangkan kerajaan harus mewujudkan satu badan yang boleh dikenali dengan badan seliaan perindustrian berteknologi tinggi atau lain-lain badan yang bersesuaian dengan teknologi tinggi. Keanggotaannya bolehlah terdiri daripada pakar-pakar sains negara dan juga pakar-pakar yang khusus dalam bidang teknologi. Bagi mencapainya, kerajaan pasti mula mengambil langkah-langkah menyediakan pelajar-pelajar mempelajari keilmuan berteknologi tinggi di negara-negara yang disebutkan tadi. Saya juga mencadangkan Kementerian Pendidikan juga mengorak langkah mendidik pelajar-pelajar mempunyai minat dalam mata pelajaran sains di semua peringkat persekolahan dan pusat-pusat pengajian tinggi.

Saya mencadangkan kaedah pelajaran atau pembelajaran sains disemak semula demi menyesuaikan dengan perkembangan teknologi sekarang. Saya mempercayai Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib mampu mencorakkan sistem pendidikan negara yang lebih unggul yang menjuruskan kepada sains dan teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan dalam menyediakan atau menjadikan rakyat Malaysia masyarakat bermaklumat, langkah-langkah mencapainya telah diambil oleh Kementerian Penerangan khusus Menteri, Dato' Mohamed Rahmat yang mana bersetuju untuk meminda Akta Penyiaran bagi mem-

bolehkan rakyat Malaysia mendapat maklumat yang tepat dan yang terkini. Usaha-usaha ini akan diteruskan dengan membolehkan rakyat Malaysia menggunakan alat yang dipanggil parabola.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri dan juga kerajaan memberanikan diri membolehkan rakyat Malaysia memakai parabola menjelang tahun 1996. Walaupun terdapat pro dan kontra diatas penggunaan parabola tempoh hari, walau bagaimanapun, saya mengharapkan pihak kerajaan akan mengambil tindakan bagi menjamin warisan kebudayaan dapat dipelihara dan dapat dikekalkan, walaupun parabola akan kita gunakan menjelang tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengharapkan supaya rakan kongsi dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang mana saya maksudkan kepada kakitangan, pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam yang telah dapat membantu kerajaan dalam melaksanakan semua hasrat-hasrat dan cita-cita kerajaan dari segi pentadbiran yang berorientasikan kepada kecekapan dan berjiwa rakyat. Dewan ini patutlah mengucapkan tahniah kepada semua pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi sokongan dan bantuan kerajaan dalam melaksanakan semua urusan yang ada kaitan dengan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengharapkan negara kita akan terus maju, rakyat terus maju, dunia akan bertambah tenteram demi kesejahteraan manusia sejagat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan.

3.42 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-

tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan juga pandangan sempena Dewan membahaskan Usul Ucapan Penghargaan dan Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang merasmikan sidang Parlimen yang Kesembilan baru-baru ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di atas kemenangan parti Barisan Nasional yang sungguh cemerlang. Oleh yang demikian, di atas kepercayaan rakyat terhadap kepimpinan kerajaan dapat menunaikan kewajipan-kewajipan supaya kepercayaan rakyat berterusan kepada kerajaan yang sedia ada untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa sudah terhad, saya sentuh satu dua kementerian sahaja. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah dilantik menjadi Menteri Pendidikan tentang penyusunan semula Kementerian Pendidikan dan beberapa langkah yang akan diambil oleh kementerian tersebut amatlah membanggakan kita semua.

Saya percaya kenyataan tersebut akan mengembirakan kaum pendidik di Malaysia. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah kepimpinannya kementerian yang baru bagi memantapkan lagi sistem pendidikan di Malaysia, saya ingin memberi pandangan dan juga cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan khasnya mengenai beberapa keluhan dan rintihan yang sering diluahkan

oleh kaum pendidik kita di akhbar-akhbar sejak kebelakangan ini. Antaranya:

(i) *Pangkat dan pengisian jawatan Guru Besar dan Pengetua di sekolah-sekolah.*

Saya difahamkan pengisian jawatan Guru Besar di sekolah rendah dan Pengetua di sekolah menengah telah pun dijalankan dan dilaksanakan sejak beberapa bulan yang lalu. Tetapi sayangnya, masih terdapat beberapa buah sekolah yang tidak mempunyai guru besar dan pengetua.

Begitu juga dengan beberapa jawatan guru-guru kanan yang lain, mengapakah hal ini terpaksa mengambil masa yang begitu lama oleh pihak-pihak yang terlibat dengan urusan kenaikan pangkat ini? Siapakah yang bersalah? Jabatan Perkhidmatan Awam atau Kementerian Pendidikan sendiri? Saya percaya, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia yang memperkenalkan, dengan izin, concept zero defect, tanpa kecacatan dan empowermen tentu telah mengarahkan kakitangannya berpindah dengan cepat dan pantas dalam semua urusan. Saya takut dan bimbang jika hal ini berlanjutan, bilangan guru yang memohon untuk bersara pilihan iaitu bersara lebih awal akan meningkat dari tahun ke tahun dan kesannya kita akan mengalami masalah kekurangan pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin mengesyorkan agar Kementerian Pendidikan bertindak secepat mungkin bagi mengatasi masalah ini. Dalam hal perlantikan kenaikan pangkat ini, saya juga ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan melantik guru-guru yang cemerlang untuk menjadi guru besar atau pengetua dan bukannya berdasarkan kepada lama bertugas sahaja. Seniority seseorang belum pasti boleh menjadi pemimpin atau pengurus yang baik dan berkesan di sesebuah sekolah.

Selaras dengan matlamat dan kehendak SSB, saya berharap syor saya diberikan

perhatian oleh Kementerian Pendidikan dan JPA. Jika baru-baru ini Ketua Setiausaha Negara kita, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid boleh mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara supaya menyiapkan kad-kad pengenalan dalam masa tempoh 3 bulan sahaja, saya berharap Ketua Setiausaha Negara kita boleh juga mengarahkan unit naik pangkat JPA dan Kementerian Pendidikan bertindak demikian, jika tidak soal ini berlanjutanlah dari tahun ke tahun sampailah berpuluh tahun.

(ii) Kebajikan guru

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kebajikan para pendidik di Malaysia. Dalam tinjauan saya, sejak saya menjadi Penyelia Asrama Puteri Klang selama 34 tahun sehingga pencen, kebajikan untuk para pendidik di negara kita adalah sangat jauh perbezaannya dengan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan untuk pegawai-pegawai di sektor awam yang lain. Rumah untuk guru masih berkurangan khasnya sekolah-sekolah di luar bandar, paling sedih, ada guru asrama yang terpaksa tinggal dalam bilik-bilik yang dikatakan sebuah bilik stor untuk menyimpan perabot. Bilik-bilik guru di sekolah tidak ada hawa dingin.

Pekerja-pekerja di sektor awam yang lain mempunyai kelulusan yang sama tetapi bekerja di dalam bilik-bilik yang nyaman berhawa dingin. Pada anggapan saya, para pendidik kita tidak lagi tahan dengan 'stress' atau 'tension' akibat gelagat para pelajar sekarang dan ditambah pula dengan keadaan yang serba kekurangan di tempat bekerja. Maka mereka lebih rela memohon bersara pilihan atau berhenti kerja untuk mendapat kerja yang bersesuaian, kurang 'stress' dan tempat kerjanya lebih nyaman. Sebagai contoh guru-guru berkelulusan SPM yang menerima gaji kira-kira RM800 di sebuah sekolah vokasional terus meletakkan jawatannya sebagai pendidik apabila mendapat tawaran dari sebuah kilang yang menawarkan gaji kira-kira RM1,200 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengenangkan jasa guru yang merupakan aset terpenting negara - selain daripada tokoh-tokoh korporat - kerana merekalah kita jadi begini dan dibahu merekalah terletaknya tanggungjawab mewarnakan anak-anak kita di masa akan datang. Saya berharap benar, kebajikan guru-guru diberi perhatian berat oleh Kementerian Pendidikan khasnya, dan kerajaan amnya, walaupun gaji mereka tidak diletakkan daripada gaji di sektor awam yang lain, seperti di Singapura dan Jepun. Singapura dan Jepun serta Korea tidak mengalami masalah kekurangan guru, kerana gaji guru lebih tinggi daripada gaji di sektor awam yang lain dan kebajikan guru mereka tetap dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kualiti guru, bila saya berbincang dengan beberapa orang kawan ada terdengar rungutan yang mengatakan bahawa kualiti guru di sekolah sekarang telah menurun. Antara.....

Tuan Yang di-Pertua: Datin, itu guru sama murid-murid sekolah di atas sana.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Ya, terima kasih. Antara percaya dengan tidak, saya cuba mencari sebab mengapa keadaan itu boleh terjadi. Pada fikiran saya rungutan itu berkemungkinan benar, kerana saya telah mengetahui bahawa ramai di antara mereka yang menjadi pendidik atau guru sekarang, bukan benar-benar berkeinginan untuk menjadi guru. Mereka menjadi guru setelah gagal memperolehi pekerjaan di sektor awam atau swasta yang lain. Pada awalnya mereka memang tidak ingin hendak menjadi guru kerana lambat naik pangkat, hendak dapat superscale 'G' mesti menjadi guru biasa sekurang-kurangnya 20 tahun, pada hal kawan mereka di sektor lain lebih cepat daripada itu. Tambahan pula kebajikan guru sering diabaikan. Keadaan ini juga telah menyebabkan mereka yang berkelulusan cemerlang tidak ingin menjadi guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar berasa takut dan gementar jika sekiranya pada masa akan datang, para guru kita terdiri daripada mereka yang berkelulusan kelas 3 sahaja, sama ada dari universiti atau pusat pengajian tinggi yang lain. Saya bimbang dengan kebolehan dan pencapaian serta kepintaran para pendidik kita di tahun-tahun akan datang, untuk mendidik anak-anak Wawasan 2020 yang bakal membentuk sebuah negara yang dinamik, saintifik dan maju dalam semua bidang. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya mengkaji semula kurikulum dan kursus pendidikan di maktab perguruan dan juga di universiti bagi memastikan bahawa para pendidik yang dilahirkan itu benar-benar pendidik yang dedikasi, cekal, bijak dan pintar serta penuh dengan amanah terhadap tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika syor dan pandangan yang saya kemukakan kali ini diberi perhatian yang wajar oleh pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan, cadangan dan tuntutan untuk bekerja lima hari seperti yang dikemukakan oleh Kesatuan Kebangsaan Guru-guru tidak akan timbul lagi. Saya berharap juga, Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah kepimpinan Menteri yang baru dapat menyelesaikan semua masalah yang saya utarakan ini dengan sebaik dan secepat yang mungkin, sama seperti Yang Berhormat Menteri menyelesaikan beberapa masalah anggota tentera kita, semasa Yang Berhormat menjadi Menteri Pertahanan dahulu. Saya yakin, Yang Berhormat Dato' Seri Najib boleh melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar - KEMAS, Jabatan Kemajuan Masyarakat merupakan satu agensi yang banyak membantu kerajaan dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan perubahan sikap masyarakat, terutama sekali di luar bandar. Salah satu daripada aktiviti yang

dijalankan ialah TBK (Taman Bimbingan Kanak-kanak). Memandangkan TBK ini sangat penting, maka beberapa perkara yang berkaitan perlulah diambil perhatian:

- (i) bilangan guru pemaju masyarakat perlulah ditambah secukupnya mengikut keperluan tempatan. Tidak usahkan di luar bandar, dalam pekan pun tidak cukup;
- (ii) keadaan bangunan, tempat belajar perlulah disediakan dengan lebih sempurna kerana pada masa kini kebanyakannya menumpang di balai-balai raya, di bawah kolong, di surau-surau dan di bangunan-bangunan yang tidak menyelesaikan;
- (iii) elaun Pemaju Masyarakat TBK, Pembantu Pemaju Masyarakat dan Penyelia-penyelia hendaklah dikaji semula;
- (iv) kontrak perkhidmatan kakitangan KEMAS dapatlah dilanjutkan dari yang ada sekarang. Sebagai contoh, sekarang ini bulan Julai - sudah mula membuat permohonan untuk disambung pada tahun hadapan. Jadi, kalaulah boleh, dari satu tahun kepada sekurang-kurangnya 3 tahun. Penyelia-penyelia pula, dari 2 tahun kepada 5 tahun. Tempoh tamat berkhidmat penyelia lelaki dari 55 tahun kepada 60 tahun, tetapi bagi mereka yang masih cergas dan sihat sahaja.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya juga turut mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah di atas pengangkatan Tuan Yang di-Pertua sebagai pemimpin dan peneraju Dewan Negara yang mulia ini. Semoga dengan bimbingan dan panduan Tuan Yang di-Pertua, berbagai manfaat dan faedah

serta kebajikan akan dapat kami nikmati sebagai Ahli-ahli Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Saya menyokong Usul menjunjung Kasih ke atas Titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Mohd. Zain bin Daud.

3.57 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Assalamualaikum warah-matullahi Ta'ala wabarokatuh dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbahas atas Titah Diraja semasa perasmian kedua-dua Dewan tempoh hari. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Barisan Nasional kerana kemenangan cemerlang dalam pilihanraya yang lepas dan saya berharap mandat yang diberi oleh rakyat kepada kerajaan hendaklah digunakan dengan sebaik mungkin demi untuk kepentingan dan kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin menyentuh berhubung dengan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian di mana kerajaan akan mengutamakan industri berteknologi tinggi dan industri berat yang canggih, disamping mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing dengan mempertingkatkan kepakaran tempatan, sambil bersedia mempelajari teknologi dari semua sumber. Sehubungan dengan ini, saya ingin tahu daripada Kementerian berkenaan, apakah langkah-langkah positif yang telah diambil dan akan diambil bagi mencapai cita-cita yang tersebut tadi, terutama sekali dari segi pergantungan kepada tenaga asing?

Sebagaimana yang kita sedia maklum, di negara kita sekarang ini telah kebanjiran dengan kedatangan pekerja-pekerja asing yang datang daripada negara jiran yang melebihi angka jutaan orang dan kedatangan mereka ke negara ini disebabkan kita kekurangan tenaga pekerja. Kedatangan mereka ini bukan sahaja memberi kesan terhadap pertukaran wang asing negara kita, malah memberi kesan kepada gejala-gejala sosial yang lain seperti penyakit, jenayah, dari segi penempatan dan sebagainya. Jadi, pihak kerajaan seharusnya membuat atau mengatur strategi bagaimanakah untuk mengatasi masalah kebanjiran tenaga pekerja yang datang ke negara kita pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah berkenaan dengan Dasar Pertanian Negara bagi sektor pertanian. Walaupun kerajaan mengambil langkah-langkah ke arah peningkatan pengeluaran, terutamanya bahan-bahan makanan utama seperti beras, saya rasa sehingga hari ini tahap pengeluaran yang maksimum belum lagi dicapai dari hasil pengeluaran padi negara.

Ini terbukti kerana masih lagi terdapat tanah-tanah pertanian yang dahulunya diusahakan sebagai kawasan penanaman padi, tetapi sekarang ini nampaknya terbiar; berkemungkinan kos pengeluaran untuk mengusahakan tanah-tanah pertanian tersebut melebihi daripada hasil yang mereka dapat.

Faktor yang kedua, saya mengharapkan kerajaan supaya mencari jalan untuk menyekat dengan serta-merta di mana sesetengah kerajaan negeri, akibat daripada kepesatan pembangunan negara, banyak tanah-tanah pertanian terutama sekali tanah-tanah padi terutamanya di jelapang padi negeri Kedah, banyak bangunan taman perumahan dan kilang perindustrian dibangunkan di atas tanah-tanah yang sebelum daripada ini ditanam dengan padi.

Untuk makluman Dewan yang mulia, tanah pertanian untuk padi kita tidak bertambah tetapi penduduk bertambah. Kalau tidak silap saya, di antara 5% hingga 6% setahun. Jadi, untuk jangka masa yang panjang, oleh kerana pertambahan tanah pertanian padi tidak bertambah sedangkan pertambahan penduduk begitu sekali, untuk jangka masa yang panjang harus kerajaan mengkaji dan mengambil jalan-jalan yang positif supaya di suatu masa nanti, makanan utama, terutamanya padi mencukupi bagi rakyat negara kita di Malaysia.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan rangkaian jalan raya. Saya menyambut baik hasrat kerajaan untuk membina sistem rangkaian jalan raya yang terbaik di seluruh negara tercapai dengan siapnya projek Lebu Raya Utara-Selatan serta jalan raya Persekutuan negeri Sarawak pada tahun yang lepas dan pelaksanaan lebu raya merentasi negeri Sabah dan Sarawak sehingga ke sempadan Indonesia juga sedang giat dilaksanakan. Tetapi saya merasa dukacita kerana dalam perancangan kerajaan tersebut tidak termasuk dalam perancangan kerajaan untuk membina rangkaian jalan raya, lebu raya Pantai Timur ke Selatan.

Melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menyegerakan pembinaan rangkaian lebu raya Pantai Timur ke Selatan untuk memberi sebagai penyediaan prasarana yang baik bagi mengimbangkan kemajuan Pantai Timur supaya setanding dengan negeri-negeri lain di Pantai Barat.

Tuan Yang di-Pertua, kesinambungan perjuangan rakyat adalah bergantung kepada persiapan generasi muda sekarang. Sehubungan dengan ini, kerajaan melancarkan program Rakan Muda. Misi Rakan Muda adalah generasi muda yang merupakan perancangan dan penggerak pembangunan masyarakat dan negara maju berasaskan ilmu, etika, teknologi, kerakanan, usaha, azam, iltizam dan cita-

cita tinggi sebagaimana asas yang digariskan oleh kerajaan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memasukkan satu asas lagi yang tidak terdapat dalam asas-asas tersebut iaitu asas keagamaan. Ini penting bagi melahirkan generasi muda yang berakhlak tinggi, yang teguh berpegang kepada ajaran agama masing-masing bagi membentuk identiti bangsa Malaysia agar mereka mempunyai pegangan nilai-nilai mulia lagi murni. Sekian, terima kasih.

Tuan yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

4.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:
Bismillahir-Rahmanir-Rahim.
Assalamualaikum-warahmatullahi-wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil kesempatan dalam majlis yang mulia ini untuk membahaskan Usul Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan pada 8hb Jun 1995.

Seri Paduka Baginda sangat peka dengan perkembangan negara yang membanggakan dalam semua aspek ekonomi, sosial, agama dan lain-lain. Segala perubahan ini berlaku kerana ketabahan dan kebijaksanaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang sama-sama bertanggungjawab dan ikhlas menjalankan tugas masing-masing. Berkat kerjasama parti-parti yang bergabung di bawah panji Barisan Nasional, sekali lagi Barisan Nasional telah memenangi pilihanraya umum yang diadakan pada 25hb. April 1995 dengan majoriti besar lebih daripada 2/3. Hanya negeri Kelantan masih lagi

dimenangi oleh APU, campuran PAS dan Semangat 46. Sekali ini, majoriti mereka berkurangan kerana 7 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 2 kerusi Parlimen dimenangi oleh Barisan Nasional. Saya ingat pilihan raya akan datang, negeri Kelantan akan disapu bersih oleh Barisan Nasional.

Bagi sementara waktu, semua kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional hendaklah diberi perhatian Khusus supaya pembangunan-pembangunan dalam kawasan-kawasan tersebut dilaksanakan dengan pesat. Parti pembangkang iaitu APU dalam masa 5 tahun lepas, tidak dapat menunaikan janji-janjinya kepada rakyat dan jikalau Barisan Nasional dapat tunjuk perubahan ekonomi kepada rakyat Kelantan, sudah tentu mereka akan gulung tikar.

Perkembangan ekonomi negara bergerak pesat tahun ini. Tahun ini ialah tahun penghujung Rancangan Malaysia Keenam. Perkembangan ekonomi meningkat kepada tahap 8.9% - sangatlah memuaskan. Semua rakyat negara mengalami perubahan nasib dengan sendiri dalam segi ekonomi melainkan rakyat di negeri Kelantan tidak merasa sangat perubahan ini. Harap mereka sedar dan insaf.

Kerajaan telah meraih industri berteknologi tinggi, berat dan canggih di samping mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing dengan mempertingkatkan kepakaran tempatan. Selain daripada itu juga, negara kita bersedia untuk mendapat kepakaran di mana-mana sahaja yang perlu.

Dalam menimba kekayaan negara, kerajaan diminta mengambil perhatian mendalam kepada semua rakyat di semua peringkat supaya dapat pengagihan harta yang saksama. Badan NGOs seperti dewan-dewan perniagaan dan persatuan-

persatuan perniagaan diberi peluang kerjasama dengan kerajaan bagi mengembangkan kedudukan ekonomi negara.

Selain daripada industri-industri berat, industri-industri kecil dan sederhana perlu juga diperhebatkan di bawah MITI dan lain-lain kementerian yang berkaitan. Peluang-peluang perlu disebarluaskan kepada usahawan-usahawan yang berminat.

Dasar Pertanian Negara diperkembangkan dan diharap Kementerian Pertanian dapat membesarkan publisiti rancangan-rancangannya supaya rakyat dapat peluang-peluang ini.

Tentang perubatan pula, kerajaan telah membesarkan skopnya. Diminta Kementerian Kesihatan akan membesarkan hospital-hospital di negeri-negeri dan dibekalkan dengan alat-alat canggih supaya rakyat dapat menikmati daripada perubahan-perubahan itu.

Dasar Penswastaaan yang dibentuk oleh Kerajaan sangatlah bijak dan dalam pembahagian peluang-peluang melalui penswastaaan itu perlu diambil kira penglibatan kaum bumiputera. Juga diingatkan, badan-badan korporat yang dapat peluang, jangan abaikan kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik. EPU perlu rangkakan garis panduan yang ketat dan tepat bagi perkara ini.

Dengan tertubuhnya kementerian baru iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan diharap masalah-masalah usahawan dapat diperbaiki dan ditingkatkan kualitinya. Ucapan syabas saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana penubuhan kementerian ini yang benar-benar tepat pada masa perkembangan ekonomi negeri ditingkatkan dengan begitu menggalakkan.

Dasar pelajaran baik sekali dan diharap Yang Berhormat Dato' Najib dapat mencemerlangkan negara dengan dasar-dasar yang konkrit dan bijak melalui dasar baru ini. Rakyat rasa lega dan akan menerima ganjaran yang baik itu nanti.

Tentang program Rakan Muda, sangatlah baik kerana melalui program ini dapat membentuk rakyat pelapis yang cerdik dan berwibawa. Biarlah kerajaan Kelantan canggah kerana dia tidak tahu kebaikannya.

Peruntukan rumah kos rendah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjalan lancar dan diharap pembahagian rumah-rumah itu diteliti supaya orang-orang yang betul perlu mendapat hak mereka.

Dasar pembasmian kemiskinan pula di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula perlu diperluaskan dan juga dipercepatkan prosesnya supaya rakyat-rakyat miskin dapat pembelaan segera.

Angkatan Tentera kita bertaraf antarabangsa. Tentang keselamatan dalam negeri juga boleh dibanggakan.

Negara kita terkenal dengan kecantikan physical features, dengan izin. Ramai orang datang melawat Malaysia melalui rancangan pelancongan negara. Hanya negeri Kelantan sahaja yang tidak ikut perancangan negara kerana sikap parti pembangkang itu yang conservative dan negative, dengan izin.

Seterusnya saya suka menyentuh tentang Suruhanjaya Sekuriti. Dari beberapa perbincangan keusahawanan bumiputera, saya dimaklumkan bahawa terdapat banyak syarikat yang telah dibimbing untuk beberapa tahun lamanya, kini bersedia untuk melibatkan diri dalam dunia korporat. Kami dapati walaupun mereka mempunyai kriteria, kualitatif dan kuantitatif untuk disenaraikan kepada

Papan Kedua di Bursa Saham Kuala Lumpur tetapi malangnya mereka telah tidak diberi peluang. Kami difahamkan penolakan ini di atas sebab-sebab yang begitu subjektif berdasarkan atas pandangan-pandangan sendiri seperti industri yang tidak berkualiti, terlalu bergantung kepada tenaga manusia dan berbagai-bagai alasan yang remeh-temeh, walaupun syarikat tersebut dapat menunjukkan keuntungan dan prestasi yang baik. Akibatnya dari sikap-sikap pihak badan penilai yang begitu negatif, maka syarikat-syarikat ini telah terlepas satu punca kewangan yang penting untuk pembangunan syarikat mereka di masa hadapan. Dengan rekod-rekod pengalaman yang baik dan pengurusan yang bagus yang mana telah mencapai kejayaan-kejayaan yang diakui, penolakan penyenaian syarikat tersebut bukan sahaja tidak menggalakkan malah ianya juga satu halangan kepada dasar kerajaan untuk memastikan pembahagian yang adil di Bursa Saham Kuala Lumpur terhadap syarikat-syarikat yang dikuasai oleh bumiputera.

Di waktu ini adalah dijangkakan bahawa tidak sampai 10% daripada 150 syarikat-syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur terdiri dari syarikat-syarikat yang dikuasai oleh bumiputera. Sebagai Tuan Yang di-Pertua maklum, bahawa syarikat-syarikat yang disenaraikan di Papan Kedua ini boleh disenaraikan ke Papan Utama selepas lima tahun dari hari syarikat tersebut disenaraikan. Ini juga bererti bahawa kekurangan penglibatan syarikat bumiputera dalam pasaran modal akan menjadi ketara sebelum menjelang tahun 2000. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri Sarasa.

4.15 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

berucap di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya meneruskan ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas perlantikan dan kepada Ahli-ahli Parlimen yang baru juga.

Kejayaan Barisan Nasional dalam pilihan raya terakhir di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, telah menunjukkan keyakinan rakyat kepada kerajaan dan pemimpinnya. Kejayaan ini adalah merupakan satu insentif dan inspirasi untuk kerajaan teruskan perjuangannya untuk memajukan negara Malaysia mencapai cita-cita ke arah wawasan. Wawasan adalah masa depan setiap rakyat Malaysia di mana setiap lapisan masyarakat kita berhak menikmati kejayaannya. Jika kita dapat bekerjasama, pembentukan bangsa Malaysia seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dalam keadaan bersatu padu akan merupakan cabaran yang paling utama dan paling asasi.

Matlamat ekonomi yang dicadangkan di dalam Wawasan 2020 membayangkan Malaysia yang tumbuh maju dengan cara yang lebih menyeluruh lagi seimbang mengikut acuan kita. Pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya adalah amat menggalakkan dan usaha kita dalam menghadapi persaingan dengan negara-negara maju supaya tidak ketinggalan baik dari segi pembangunan dan kemajuan sains dan teknologi sedang berjalan dengan lancar. Sehubungan dengan perkara tersebut, saya amat menyokong rancangan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan saluran kepada kemasukan pelajar di universiti-universiti tempatan di mana pelajar-pelajar berkelulusan SPM boleh melayakkan diri bagi memasuki universiti tempatan dengan pengalaman bekerja selama 5 tahun. Langkah ini akan membolehkan mereka yang tidak

mendapat peluang melanjutkan pelajaran kerana sebab-sebab kewangan atau lain-lain melanjutkan pelajaran tinggi mereka. Cadangan universiti tempatan untuk melaksanakan program PJJ ataupun Pendidikan Jarak Jauh yang akan bermula pada tahun depan akan membuka pintu itu untuk lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran mereka sambil bekerja. Ini akan membolehkan mereka yang berkeluarga melanjutkan pelajaran dan akan menukarkan cara hidupnya di mana masa kelebihannya dihabiskan untuk satu perkara yang lebih berguna. Peluang-peluang begini akan memperbaiki taraf pendidikan rakyat Malaysia dan secara tidak langsung memperbaiki kualiti masyarakat kita. Tetapi perhatian perlu diberi kepada segolongan masyarakat pelajar iaitu golongan lepasan SPM atau STPM.

Memandangkan kepada kepentingan yang diberi kepada kemajuan sains dan teknologi pada masa ini, ramai pelajar yang memohon tempat di Universiti Teknologi Malaysia untuk mengikuti kursus seperti kejuruteraan. Malangnya pemohon yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM pun ditolak. Kegagalan dan kekecewaan ini membuatkan kaum remaja ini berpandangan negatif dan kurang yakin terhadap masa depan mereka kerana kekurangan pengalaman hidup membuatkan mereka berpandangan serong. Ada yang bertanya, "Apa guna kita digalakkan mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik kalau usaha kita diketepikan begini". Saya merayu supaya Kementerian Pendidikan memikirkan bagaimana cara menangani kegagalan dan kekecewaan dan membangkitkan semula keyakinan dalam diri mereka.

Saya juga ingin dapat penjelasan tentang kriteria pengambilan pemohon yang berjaya khususnya di Universiti Teknologi Malaysia. Saya juga ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya mengkaji semua status kelas STPM

ataupun Tingkatan 6. Walaupun isi kandungan ataupun, dengan izin, syllabus Tingkatan 6 meliputi dua tahun, kelas itu sebenarnya bermula pada pertengahan tahun pertama sahaja. Di kebanyakan sekolah Tingkatan 6 tidak diberi keutamaan dari segi pengajaran atau pembelajaran dan pelajar-pelajar rasa terharu dan tidak yakin dengan sistem Tingkatan 6. Tetapi pada petang ini Timbalan Menteri Pendidikan memberitahu Dewan ini pada masa Soal Jawab Mulut iaitu Kolej Nasional Malaysia akan menggantikan Tingkatan 6. Saya hendak tahu juga bilakah kelas ini akan dimulakan? Adakah selepas keputusan SPM dan kemasukan ke universiti diumumkan seperti sekarang? Di sini saya harap Kementerian Pendidikan akan mengambil kira dilema pelajar-pelajar SPM di sekolah kerajaan pada masa ini.

Saya juga cadangkan supaya kelas-kelas ini dimulakan pada bulan Disember berasaskan dengan izin, forecast result.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa TEP atau permit kerja sementara yang diberi kepada 250,000 pekerja asing dalam tahun 1992 tidak akan dibaharui. Ini akan membawa kesulitan kepada sektor-sektor yang memerlukan mereka seperti industri makanan. Kebanyakan restoran menghadapi masalah mendapat pembantu kedai dan juga tukang masak. Keluarga yang memerlukan pembantu rumah juga menghadapi masalah. Kementerian perlu memberi perhatian kepada isu pembantu rumah juga. Ramai ejensi yang diberi lesen untuk membawa masuk pembantu rumah tidak lurus dalam pengurusan mereka. Kadang-kadang pembantu rumah yang dihantar itu melarikan diri pada keesokan hari juga. Walaupun ejensi itu berjanji menghantar pengganti, pengganti itu tidak wujud. Pelanggan dikehendaki membayar semula semua perbelanjaan untuk pengganti itu.

Saya mencadangkan supaya keluarga atau pemilik restoran itu diberi kuasa untuk memilih pembantu asing sendiri dan dipertanggungjawab untuk keselamatan dan kebajikan mereka di negara ini. Kementerian juga perlu dengan izin, monitor kegiatan agensi-agensi yang terlibat dalam pengambilan pekerja asing.

Undi kepercayaan yang diberi oleh rakyat Malaysia tanpa kira bangsa, agama atau bahasa telah memberi tanggungjawab yang lebih besar kepada kerajaan Barisan Nasional untuk membantu rakyat menyelesaikan masalah-masalah seharian. Dengan itu, terima kasih dan saya menyokong usul Ucapan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya tidak ada lagi yang hendak bercakap ya. Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Menteri ataupun wakil Kementerian Kewangan untuk menjawab.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affiudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai dengan isu-isu yang di bawah Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man telah menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang adanya ahli-ahli ekonomi yang merasa bimbang dan gelisah dengan kadar perkembangan ekonomi semasa kerana mereka berpendapat pertumbuhan ekonomi negara hanya mampu dan patut dikekalkan pada tahap 6% setahun.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, potensi pertumbuhan ekonomi negara adalah lebih tinggi dari itu. Memandangkan pembentukan modeal dalam negara yang pesat terutamanya dalam sektor perkilangan dan infrastruktur

semenjak tahun 1987, hakikat ini telah membolehkan ekonomi negara berkembang pada kadar purata 8.8% setahun bagi 7 tahun yang lepas secara berturut-turut. Pertumbuhan yang pesat ini telah dapat dicapai dalam keadaan inflasi yang rendah iaitu satu keadaan yang agak berlawanan dengan prinsip ekonomi.

Saya bersetuju dengan prinsip yang dibangkitkan oleh Senator Tuan Saad bin Haji Man mengenai perlunya pertumbuhan dipertahankan pada tahap 6% KDNK sahaja untuk memastikan inflasi yang rendah atau untuk mencapai inflasi hampir sifar.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, persetujuan saya ini walau bagaimanapun, adalah di atas andaian bahawa respon manusia kepada kenaikan pendapatan atau kekayaan itu dibiarkan mengikut nafsu tanpa apa-apa langkah untuk membendung nafsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah pembangunan ekonomi manusia menunjukkan bahawa apabila kekayaan diperolehi dan ditambah dari masa ke semasa, nafsu makan, nafsu pakai, nafsu berjalan, nafsu berfoya-foya manusia pun bertambah, kalau tidak secara linear, ianya akan bertambah secara exponential. Disebabkan peningkatan nafsu inilah manusia berbelanja secara excessive. Ini mengakibatkan perebutan terhadap barangan dan perkhidmatan yang mana bekalannya adalah terhad. Justeru itu, apabila terlalu banyak wang mengejar barangan dan perkhidmatan yang terhad, maka harga akan meningkat. Inilah yang dipanggil "inflasi". Wang menjadi banyak apabila pertumbuhan ekonomi berlaku. Ini satu hakikatnya iaitu pertumbuhan ekonomi jikalau dikira dari segi wang ialah wang di dalam putaran \times velocity wang yang di dalam putaran itu.

Jadi, apabila pertumbuhan ekonomi melonjak, maka kehendak kepada barangan dan perkhidmatan pun melonjak. Kerana, nafsu manusia yang memegang

wang itu pun melonjak maka inflasi menjadi hasil yang logik daripada pertumbuhan ekonomi. Lebih tinggi kadar pertumbuhan, maka akan lebih tinggi kadar inflasi. Lantaran itu Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man, minta supaya jikalau hendak mendapat ekonomi sifar, pertumbuhan mestilah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menyeru agar kita berikhtiar menurunkan kadar inflasi kepada sifar di dalam suasana pertumbuhan yang tinggi ini, bukanlah maksud beliau menidakkan prinsip ekonomi ini. Apa yang beliau hendak lakukan ialah menukarkan andaian-andaian (assumptions) di belakang prinsip ekonomi. Semua prinsip ekonomi dan hukum ekonomi adalah berasaskan kepada andaian-andaian yang dibuat.

Saya sebut awal-awal tadi Tuan Yang di-Pertua, andaian yang dominan di belakang prinsip ini ialah kenaikan nafsu manusia yang mendapat pendapatan meningkat, akan membawa kepada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan yang tinggi khususnya barangan-barangan asas seperti makanan, pakaian, transport, penyewaan dan lain-lain kehendak-kehendak asas manusia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah dengan izin, a keen student of human behaviour. Beliau melihat bahawa permintaan itu terlalu melampau ataupun dengan izin, excessive sehingga berlaku pembaziran.

Kita ambil contoh di kantin Parlimen ini. Cuba Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain buat satu survey, di tiap-tiap meja makan selepas selesai penghuni-penghuni meja itu makan. Apa yang ketara kita lihat ialah berlonggok-longgok kueh, mee, meehon goreng dan lain-lain makanan yang dibeli, tetapi tidak habis dimakan dan begitu juga minuman. Mengapa tidak habis dimakan atau diminum? Persoalan? Jawabnya Tuan Yang di-Pertua, kerana pembeliannya

dibuat berlebihan daripada daya memakan makanan itu. Ini disebabkan sipembeli mempunyai banyak duit, yang saya kata awal-awal tadi akan mempunyai nafsu makan dan nafsu minum yang tinggi.

Kalau kita suruh orang-orang miskin dari kawasan saya misalannya di Padang Terap, membeli kueh di kantin Parlimen dan duduk di sebuah meja, mereka akan membeli sebanyak yang cukup kerana mereka tidak mempunyai banyak wang dan akan menghabiskan semua kueh dan minuman itu.

Jadi, apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak ialah pembelian barangan dan perkhidmatan asas ini dibuat secara yang logik, secara yang rasional dan secara yang berpatutan, mengikut kehendak itu sendiri. Beliau meminta orang-orang yang mempunyai wang mengawal nafsunya sahaja supaya wang yang banyak itu tidak melebihi batas di dalam mengejar barangan dan perkhidmatan yang sedikit.

Kalau nafsu ini boleh dikawal dan sebahagian wang yang banyak itu ditabungkan, maka pertumbuhan ekonomi akan berlaku pada kadar yang tinggi tanpa diikuti oleh kenaikan tahap inflasi pada kadar yang tinggi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya mahu andaian nafsu itu ditukar dan Yang Amat Berhormat menambah lagi bahawa nafsu itu perlu dibendung, bukan sahaja oleh pembeli malah juga oleh pihak-pihak penjual. Penjual mestilah mengawal nafsunya untuk mendapat untung yang berlebihan dan juga mesti sedar bahawa mereka juga adalah pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menukar matrix teori ekonomi itu supaya hasilnya berlain sedikit daripada 'the prevalent principle' ataupun 'the prevalent consequences of the principle', dengan izin. Usaha Yang Amat Berhormat ini adalah murni kerana dengan menyeru

rakyat Malaysia menuju ke arah inflasi sifar, beliau menyeru ke arah pembasmian pembaziran yang membawa kepada inflasi. Rasullullah S.A.W. telah mengajar kita supaya makan bila lapar, berhenti sebelum kenyang. Ajaran ini adalah ajaran melawan nafsu. Perdana Menteri juga hanya menyambung seruan ini di dalam konteks pembangunan ekonomi moden dan justeru itu, tiap-tiap rakyat Malaysia wajib menyokong usaha beliau secara habis-habisan untuk mencapai inflasi sifar ini yang bukan satu perkara yang mustahil yang boleh dicapai jikalau kita mengawal angka ubah ataupun 'variable' kemanusiaan yang saya kata tadi, 'the variable' kenafsuan. Insya Allah, kalau ini didapati maka ekonomi Malaysia.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, tunggu sebentar, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail mempengerusikan Majlis.

(Tuan Abdul Rashid bin Ismail *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, kalau ini didapati maka ekonomi Malaysia boleh tumbuh dua angka, 10, 11, 12% dengan kadar inflasi mencapai sifar ataupun dekat-dekat dengan sifar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi negara akan terus dapat dikekalkan pada kadar lebih kurang 8% setahun dengan adanya strategi-strategi yang dapat memastikan ekonomi negara terus berkembang secara mampan tanpa tekanan-tekanan negatif, seperti inflasi dan defisit akaun semasa imbalan pembayaran. Tunjang strategi makro ekonomi masa depan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan akan berlandaskan kepada dorongan daripada peningkatan produktiviti dan kualiti dari

faktor-faktor pengeluaran seperti buruh dan modal di mana pengeluaran negara dapat ditingkatkan tanpa peningkatan penggunaan input pada kadar yang sama.

Di samping itu, bagi mengukuhkan akaun semasa imbalan pembayaran, daya saing sektor perkhidmatan negara akan terus dikukuhkan agar negara mempunyai kapasiti untuk mengeksport dan mengganti perkhidmatan yang diimport. Strategi-strategi ini bersama-sama dasar sedia ada, seperti Dasar Persyarikatan Malaysia, Penswastan, Belanjawan Berhemat dan dasar ruang yang ketat akan memungkinkan Malaysia terus berkembang pada kadar 8% bagi jangka sederhana tanpa tekanan-tekanan negatif seperti inflasi.

Mengenai cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat supaya dikurangkan pergantungan kepada mata wang Yen, saya ingin menjelaskan bahawa perubahan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang dunia sentiasa mendapat perhatian pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan. Kerajaan sedar bahawa nilai Ringgit Malaysia seperti mata wang lain, khususnya Dolar Amerika Syarikat telah merosot dengan ketara berbanding dengan nilai mata wang Yen Jepun. Kedudukan pada akhir bulan Jun, 1995 menunjukkan nilai Ringgit Malaysia merosot sebanyak 11.1% berbanding dengan kedudukan kadar pertukaran pada akhir tahun 1994 yang lalu.

Bagi mengelakkan kesan negatif peningkatan nilai Yen terhadap ekonomi Malaysia, kerajaan misalnya telah pun mengambil beberapa langkah bagi memperkemas lagi pengurusan hutang luar negeri supaya kesan-kesan kenaikan nilai Yen dapat dikurangkan. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah keputusan kerajaan pada bulan Oktober, 1994 untuk tidak lagi membuat pinjaman dalam mata wang Yen, mengurangkan liabiliti Yen melalui pembayaran lebih awal, dengan izin, 'prepayment',

pembiayaan semula, dengan izin, 'refinancing' dan swap pinjaman Yen kepada mata wang lain, penstrukturan semula pinjaman-pinjaman yang diperolehi daripada Overseas Economic Corporation Fund (OECF) dan langkah kerajaan tidak menggalakkan sektor swasta membuat pinjaman dalam mata wang Yen.

Pada masa yang sama, kerajaan telah juga menggalakkan pengimport-pengimport tempatan untuk mengurangkan import barangan perantaraan dan modal daripada Jepun kerana harganya yang lebih mahal dan sebaliknya mereka hendaklah berusaha untuk mendapatkan import daripada sumber yang lebih murah atau menggunakan input-input tempatan dan langkah-langkah ini adalah penting bagi mengurangkan kesan-kesan buruk akibat kenaikan nilai Yen kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman telah mengutarakan satu ucapan yang sama juga dengan ucapan Ahli dari Marang di Dewan Rakyat yang lalu dan saya juga yang menjawabnya. Saya terpaksa menjawab lagi sekali di Dewan Negara ini, iaitu yang pertama sekali mengenai dengan 'food security'. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Kalthom, konsep 'food security' ini adalah satu konsep dan juga satu strategi yang dipakai oleh masyarakat primitif. Masyarakat primitif memastikan bahawa kumpulannya mempunyai kecukupan makanan untuk memastikan jikalau ada peperangan yang selalu berlaku di antara satu puak dengan satu puak yang lain, makanan cukup. Sekurang-kurangnya mereka boleh hidup dengan adanya 'food security' ini. Penulisan-penulisan 'food security' banyak terdapat di dalam bidang disiplin ilmu "economic-anthropology" dan ini banyak dikaji di dalam masyarakat-masyarakat primitif. Masyarakat Malaysia bukanlah primitif. Kebanyakan masyarakat di dunia moden ini tidak lagi primitif.

Di dalam zaman moden yang mana sistem ekonomi merupakan satu sistem terbuka, semua negara tidak lagi memakainya. Yang dipakai sekarang ialah konsep dan strategi pengagihan sumber yang mana tiap-tiap sistem ekonomi, iaitu sistem negara itu menumpukan usahanya untuk mengeksploitasikan sumber yang paling menguntungkan yang ada padanya. Sesebuah negara yang mempunyai sumber pengeluaran makanan akan menumpukan usahanya di dalam bidang ini. Sesebuah negara lain pula yang mempunyai kekuatan di dalam bidang pengeluaran barang-barang siap atau komoditi atau barang-barang logam akan menumpukan usaha dan sumbernya kepada bidang-bidang ini pula. Penumpuan ini berasaskan prinsip, apa yang dipanggil dalam ilmu ekonomi 'comparative advantage'. Maka akan berlakulah perdagangan antarabangsa yang menguntungkan semua. Di dalam tamadun moden manusia, manusia akan mencari kedamaian walaupun ada peperangan, kerana dengan adanya sistem ekonomi terbuka ini ianya mengandaikan kedamaian itu berlaku. Jadi, tidak perlu kita mengadakan tentera-tentera yang besar untuk mempertahankan negara jikalau takut jiran yang akan menyerang dan tidak perlu kita ada beras yang cukup pada hal beras yang lebih murah kita dapat beli dari negara jiran.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, jikalau Malaysia boleh menggunakan banyak tanahnya untuk mengeluarkan kelapa sawit dan getah dengan kos yang lebih rendah daripada lain-lain negara, maka ianya harus menumpukan ke arah ini. Dalam pada itu, Thailand, Myanmar, Vietnam dapat mengeluarkan beras dengan kos yang lebih rendah dari Malaysia, mereka pula akan menumpukan usaha ke arah pengeluaran asas ini. Kebolehan sesebuah negara mengeluarkan bahan-bahan pertanian, khususnya makanan adalah bergantung kepada apa yang dipanggil "iklim pertaniannya" ataupun apa yang dipanggil "agro climatic factors" yang ada padanya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacob, tanah-tanah di Malaysia atau padi di Malaysia yang merupakan bahan makanan asas kita yang ada tidak dapat menyara kehendak beras negara di masa ini, dan di masa akan datang selagi rakyat Malaysia bertambah pada 2% setahun.

Di Kelantan, di negeri Yang Berhormat walaupun kawasan Kemubu ditanam dua kali setahun, pengeluaran berasnya hanya cukup untuk menyara kehendak orang Kelantan sahaja pada hari ini, tidak boleh dieksport ke Terengganu walaupun segantang. 10 tahun lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau penduduk Kelantan terus bertambah, Kelantan pula terpaksa mengimport beras, walaupun tanah Kemubu ada dengan ditanam dua kali atau tiga kali setahun. Kalau Kerajaan Kelantan hendak wujudkan 'system food security' bolehlah cuba, dan bolehlah Kerajaan Kelantan belajar daripada pengalaman Polpot di Kampuchea dan Nee Win di Myanmar yang cuba mewujudkan sistem "food security" di zaman moden ini. Lihatlah apa yang berlaku pada Myanmar, lihatlah apa yang berlaku pada Kampuchea, Ahli-ahli Parlimennya datang ke Parlimen hanya pakai kain sarung sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman juga telah menyatakan pendapatan per kapita negara sebagai RM9,940 sebulan menjelang penghujung Rancangan Malaysia Keenam, sedangkan tidak ramai rakyat yang mempunyai pendapatan setinggi itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan per kapita yang dimaksudkan itu adalah pendapatan per kapita setahun dan bukannya sebulan. Jikalau kita menyebut per kapita selalunya di dalam bentuk setahun bukan sebulan. Oleh itu, analisis yang dibuat oleh Yang Berhormat berasaskan fakta yang tidak tepat ataupun salah adalah tidak berasas,

kerana ramai penduduk kita mempunyai pendapatan per kapita RM9,940 setahun atau RM828 sebulan termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri.

Ahli Yang Berhormat mesti faham mengenai dengan pendapatan apa yang dipanggil purata (central tendency). Kalau kita kata pendapatan RM9,000 bukanlah maksudnya tiap-tiap orang dapat RM9,000—realitinya ialah RM9,000 merupakan satu tendency ke arah purata, iaitu ke arah pusat. Jadi, dia ada 'spread' ataupun pengagihannya. Kita menggunakan ini kerana tidak ada cara lain untuk kita menunjuk purata pendapatan penduduk. Kalau hendak dicakap mengenai 'spread', kita kena bercakap mengenai dengan gini coefficient dan lain-lain lagi.

Untuk meyakinkan Yang Berhormat Puan Kalthom, dari segi 'spread', 'distribution' ataupun agihan pendapatan negara kita bukanlah teruk. Agihan pendapatan adalah berlaku dengan elok, dengan boleh dikatakan mencapai tahap darjah keadilan yang tinggi. Berlainan daripada negara lain yang menunjukkan per kapita pendapatannya tinggi, tetapi yang kebanyakan pendapatan negara hanya dibolot oleh sebilangan orang, walhal rakyat kebanyakannya miskin—negara kita tidak begitu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat rakyat yang paling termiskin pada masa ini seperti mana yang kita selalu kata di dua-dua Dewan ini, hanya 4% sahaja pada masa ini. Ahli Yang Berhormat yang sama telah juga membangkitkan isu mengenai kelambatan pemberian peruntukan kepada Kerajaan negeri Kelantan.

Saya ingin menjelaskan di sini, seperti mana yang saya jelas banyak kali, bahawa pemberian peruntukan kewangan tahunan kepada semua Kerajaan Negeri perlu melalui beberapa proses, prosedur dan penelitian terlebih dahulu seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah diperuntukkan cara-cara, perundangan dan juga jadual-jadual pembayaran, pemberian

yang berkenaan. Oleh itu, adalah tidak benar tuduhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan pusat sengaja melambat-lambatkan pemberian peruntukan kewangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Mengikut rekod Kementerian Kewangan, semua pemberian kewangan yang berhak diterima oleh Kerajaan Negeri Kelantan telah pun diberi dalam tahun kewangan berkenaan, seperti juga negeri-negeri lain termasuk negeri saya di Kedah.

Saya kurang faham bagaimana Ahli Yang Berhormat berkenaan dapat membuat kesimpulan bahawa rakyat negeri Kelantan adalah antara rakyat bertuah di negara ini. Pada hal adalah menjadi pengetahuan umum bahawa kadar kemiskinan di negeri Kelantan adalah tertinggi sekali di Semenanjung Malaysia, kerana ketidakmampuan Kerajaan Negeri membela nasib rakyatnya. Misalnya, kadar kemiskinan di negeri Kelantan adalah 29.9% pada tahun 1993, pada hal kadar kemiskinan keseluruhan negara adalah hanya 13.5%.

Kalau diukur dari segi pendapatan per kapita sebenar negeri Kelantan mencatat pendapatan per kapita yang terendah antara semua negeri di Malaysia iaitu RM1,919 setahun, berbanding dengan pendapatan per kapita purata bagi seluruh negara sebanyak RM5,207 setahun. Kalau diukur pula negeri Kelantan dari segi indeks pembangunan sosial yang mengambil kira kadar kemiskinan bilangan guru bagi setiap 10,000 penduduk, liputan air paip dan elektrik, bilangan doktor setiap 10,000 penduduk, bilangan kadar kematian bayi untuk tiap-tiap 1,000 kelahiran, bilangan telefon bagi setiap 1,000 penduduk dan jalan bertar bagi setiap 10 kilometer persegi, negeri Kelantan juga mencatat kedudukan yang paling buruk.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan harga barangan mulai meningkat pesat sebaik sahaja pilihanraya selesai adalah juga tidak berasas.

Saya ingin menjelaskan bahawa kadar inflasi yang berasaskan Indeks Harga

Pengguna (IHP) bagi bulan Mei, 1995 adalah stabil, iaitu hanya 0.6% lebih tinggi apabila dibandingkan dengan IHP pada bulan April dan Mac, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan di sini bahawa di dalam Dewan Rakyat, ahli-ahli dari parti PAS selalu menyeru pihak kita, pihak kerajaan supaya membuat kenyataan-kenyataan yang berasaskan keilmuan, berasaskan kepada kebenaran. Jadi, saya ingin menyeru pula kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada parti PAS ikutlah apa yang diserunya, buatlah apa yang diajar kepada kita kerana apa yang saya cakap di sini adalah berasaskan kepada keilmuan dan kepada kenyataan yang mesti diikuti.

Tuan Yang di-Petua, mengenai masalah perumahan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah menubuhkan Tabung Perumahan Kos Rendah (TPKR) yang berjumlah RM1,100 juta pada tahun 1994, di samping peruntukan belanjawan tahunan. TPKR mempunyai dua bahagian pembiayaan.

Bahagian pertama, sebanyak RM500 juta disediakan oleh Bank Negara Malaysia menerusi institusi-institusi kewangan, yang bertujuan menyediakan pembiayaan perantaraan yang mudah kepada pemaju yang layak pada kadar faedah 2% untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah.

Bahagian kedua, sebanyak RM600 juta di bawah TPKR adalah bertujuan membiayai pembinaan rumah pangsa di bandar-bandar utama yang menghadapi masalah setinggian yang mendesak. Rumah-rumah pangsa ini akan disewakan kepada penghuni-penghuni miskin bagi tempoh maksimum selama 5 tahun. Bilangan rumah yang diluluskan untuk pembiayaan di bawah TPKR sahaja sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1994 sehingga 31hb Mei, 1995 adalah sebanyak 31,651 unit. Ini adalah sebagai tambahan kepada lebih 177,000 unit rumah kos rendah yang telah dibina di dalam Rancangan Malaysia keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mat Daud menyebut mengenai dengan Suruhanjaya Sekuriti yang dikatakan menolak syarikat bumiputera untuk disenaraikan di Papan Kedua.

Saya fikir ini adalah satu lagi tuduhan yang tidak berasas kerana, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tersilap. Saya tidak pernah berkata demikian. Ianya bukan daripada saya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau begitu, saya minta maaf, kerana saya dapat nota di sini. Minta maaf, Yang Berhormat. Siapa yang kata saya tidak tahulah, tetapi kalau siapa yang kata di sini, saya ingin menyatakan bahawa ini adalah tidak benar kerana Papan yang Kedua itu diwujudkan khas untuk menggalakkan syarikat-syarikat bumiputera memasuki pasaran kewangan negara. Kalau ditolak pun, kemungkinan besar syarikat bumiputera yang mengunjurkan untuk dimasukkan ke dalam Papan ini tidak mencapai atau tidak memenuhi syarat-syarat yang penting di dalam penerimaan itu. Oleh itu, saya ingin menekankan di sini bahawa Papan yang Kedua adalah digalakkan khas untuk syarikat bumiputera memasukinya dan diharap pihak Suruhanjaya Sekuriti akan mengambil usaha sedaya-upaya untuk memperbanyakkan syarikat-syarikat bumiputera untuk disenaraikan di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya nyatakan di sini dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Segala isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Kewangan telah diambil maklum dan tindakan susulan akan dilaksanakan di mana yang wajar.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Dijemput Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang bernas dan teguran-teguran mengenai bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Di sini, saya ingin memberikan maklum balas terhadap beberapa pandangan yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman telah mencadangkan supaya kerajaan menswastakan bekalan elektrik di negeri Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan bekalan elektrik di negeri Terengganu. Ini adalah kerana bekalan elektrik yang dijanakan oleh Tenaga Nasional Bhd. dan pengeluar-pengeluar kuasa bebas - IPP, dengan izin, bagi keperluan Terengganu adalah reliable dan mencukupi. Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa perjanjian pembelian tenaga di antara Tenaga Nasional Bhd. dan YTL Power Generation Sdn. Bhd. tidak ditandatangani oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Ani Arope, Pengerusi TNB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 31hb Mac, 1993 Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Ani Arope terpaksa menghadiri diri di Seremban kerana kes mahkamah. Perjanjian pembelian tenaga tersebut telah ditandatangani oleh Yang Berbahagia Dato' Ariffin bin Abdul Rahman, Pengarah Urusan Tenaga Nasional Bhd. Maka perjanjian tersebut adalah sah dari segi undang-undang.

Mengenai soalan sama ada anak Perdana Menteri adalah salah seorang ahli lembaga pengarah YTL Power Generation Sdn. Bhd., kementerian ini tidak mempunyai maklumat berkenaan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh merujuk kepada Pendaftar Syarikat tentang perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man telah memberi pandangan bahawa segala kadar taraf perkhidmatan Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Bhd. hendaklah dikaji dengan teliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi tarif elektrik bagi menimbangkan kepentingan pengguna-pengguna elektrik dan juga kepentingan Tenaga Nasional Bhd., satu formula penetapan tarif elektrik telah pun diperkenalkan mulai 1hb September, 1993. Formula ini adalah untuk mengambil kira harga bahan api dari masa ke semasa. Kajian pelarasan tarif akan dibuat setiap tiga bulan. Sekiranya harga bahan api turun, maka penurunan ini akan dinikmati oleh pengguna-pengguna melalui penurunan tarif elektrik. Sebaliknya kalau sekiranya harga bahan api naik, kelebihan harga ini akan dikongsi bersama oleh TNB dan para pengguna.

Dari segi tarif telefon, kementerian sedang mengkaji soal tarif telefon di negara ini. Kajian ini diharap dapat diselaraskan tidak berapa lama lagi dan apabila selesainya kajian ini barulah kerajaan, khususnya kementerian dapat membuat pendirian dalam perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man juga mencadangkan supaya diadakan saluran komputer yang terbaru seperti internet dan mengkaji garis panduan dan penggunaan internet ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah pun melesenkan 'Institut Sistem Microelectronic Malaysia (MIMOS) untuk melaksanakan internet Malaysia melalui sistem jaring. Pengguna-pengguna bolehlah mendapatkan perkhidmatan internet dengan memohon pendaftaran kepada MIMOS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, internet adalah salah satu

rangkaian komputer yang mencantumkan teknologi komunikasi, komputer dan penyiaran ke arah information supper highway dan multi media utopia. Pengguna-pengguna perkhidmatan internet akan memperolehi berbagai bentuk maklumat yang sangat berguna untuk maksud komersil, pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Dari segi garis panduan penggunaannya, kementerian buat masa ini tidak bercadang untuk melesenkan syarikat-syarikat lain termasuk syarikat dari swasta bagi memastikan penggunaan internet adalah teratur di bawah kelolaan MIMOS, sebuah agensi kerajaan.

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen telah menasihatkan supaya kebakaran kabel di Pulau Pinang dijadikan satu pengajaran dan mengesyorkan supaya Tenaga Nasional Bhd. mengadakan di antaranya:

- (a) satu pelan kecemasan bagi mengatasi krisis;
- (b) mengadakan pakar-pakar dan jurutera-jurutera yang terlatih,
- (c) memastikan bahawa unit kawalan dan penyelenggaraan sentiasa peka kepada keadaan; dan
- (d) pembangunan hendaklah di imbangi dengan perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat memang telah diambil kira. Walau bagaimanapun, dengan apa juga perancangan dan pelan kecemasan, kemalangan yang tidak disengajakan, iaitu di luar dugaan boleh berlaku. Namun, kerajaan akan dengan sedaya upaya memastikan supaya kemalangan seperti tersebut tidak berulang.

Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang telah membangkitkan tentang kekurangan talian telefon di kawasan pedalaman Sarawak. Menyentuh tentang soal penyediaan rangkaian telekomunikasi di kawasan pedalaman Sarawak, suka saya memaklumkan bahawa usaha ini adalah satu proses yang berterusan di sepanjang tahun 1994 dan bagi 6 bulan

pertama tahun ini, Telekom Malaysia telah menyediakan kemudahan telefon untuk lebih kurang 67 kawasan luar bandar negeri Sarawak. Pihak Telekom Malaysia juga telah merancang untuk menyediakan kemudahan telefon untuk 15 kawasan sebelum akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja response saya terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dalam perbahasan mereka sempena Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab di sini saya minta maaf. Walau bagaimanapun, kementerian saya akan mengambil perhatian kepada semua perkara mengenai kementerian ini yang telah dibangkitkan, dan berjanji akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail:
Dijemput Kementerian Dalam Negeri.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincang perkara-perkara mengenai Kementerian Dalam Negeri semasa menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kerajaan menghormati kebebasan akhbar dalam negara ini. Mengenai insiden-insiden sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man mengenai tindak-tanduk anggota DAP membakar akhbar dan menghalang pemberita-pemberita melaksanakan tugas mereka adalah satu perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan. Adalah ditegaskan bahawa Kementerian Dalam Negeri akan terus membenarkan kebebasan akhbar, di

samping memastikan tidak ada mana-mana pihak cuba menyalahgunakan kebebasan itu sehingga menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam serta kemoralan di negara ini. Seperti mana Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa pertambahan jumlah penerbitan yang telah diberi permit penerbitan adalah bukti jelas menunjukkan kerajaan mendukung kebebasan bersuara di negara ini.

Mengenai insiden layanan negatif oleh pegawai-pegawai Imigresen terhadap pelancong di Johor Bahru sebagaimana yang dibangkitkan, kementerian ini melalui Jabatan Imigresen mengambil iktibar dari apa yang terjadi dan telah pun mengambil langkah-langkah mengatasi kelemahan yang sedia ada. Begitu juga dengan keselamatan di pintu masuk ke negara ini, kementerian ini akan mengambil ingatan perkara-perkara seperti yang dibangkitkan tidak berulang lagi dan memastikan orang-orang asing tidak terlepas daripada pemeriksaan sewaktu melalui pintu masuk ke negara ini.

Mengenai kerosakan alat-alat pengesan ataupun scanning machine, dengan izin, di Bukit Kayu Hitam, suka dijelaskan iaitu kerosakan mesin tersebut telah dikenal pasti dan peruntukan untuk menggantikan mesin tersebut telah diperolehi melalui Anggaran Perbelanjaan 1994 dan proses memperolehan telah pun bermula pada awal tahun 1994. Ini bererti semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke Bukit Kayu Hitam, proses perolehan telah pun mula berjalan dan mesin tersebut telah dipasang pada akhir tahun 1994.

Menyentuh tentang soal terdapat banyaknya senjata dalam kem orang pelarian Vietnam di Sungai Besi, sebenarnya di dalam kem tersebut memang terdapat pisau-pisau kecil yang digunakan oleh penghuni kem untuk memotong sayur dan lain-lain urusan memasak. Walaupun

ada disedia makanan masak, ada juga terdapat di mana penghuni memasak makanan tambahan yang mereka sukai. Selain daripada itu, terdapat juga bengkel. Bahagian penyelenggaraan yang bertanggungjawab bagi menyelenggara kem tersebut. Bahagian ini adalah di bawah kawalan Pejabat UNHCR dan Pasukan Bulan Sabit Merah. Di bengkel ini memang terdapat banyak alat yang boleh digunakan untuk membuat benda-benda tajam seperti besi tajam, kerambit, tombak, anak panah dan sebagainya. Banyak juga gunting-gunting yang telah dirampas di mana ianya digunakan untuk sekolah menjahit dan kedai gunting rambut di bawah program mempertingkatkan kemahiran penghuni-penghuni supaya dapat menyara hidup di Vietnam nanti dan sekaligus akan menggalakkan, dengan izin, voluntary repatriation, atau pemulangan ke Vietnam secara sukarela. Pihak kem memang ada membuat pemeriksaan dari masa ke semasa untuk merampas benda-benda yang boleh disifatkan sebagai merbahaya, tetapi benda-benda itu telah dapat disembunyikan oleh penghuni.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen membuat beberapa saranan mengenai tindakan yang patut diambil untuk menangani masalah penagihan dadah dan kawalan-kawalan di pusat-pusat Serenti. Berhubung dengan perkara tersebut, kerajaan sememangnya menyedari masalah yang dibangkitkan dan segala usaha mengatasinya sedang dan akan terus dijalankan.

Yang Berhormat Tuan Marimuthu mencadangkan supaya golongan-golongan oleh tertentu diberi taraf warganegara. Berkaitan dengan perkara ini adalah dimaklumkan bahawa kriteria yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah di antara yang diguna pakai bagi menimbang permohonan kewarganegaraan di bawah kategori tersebut. Dan kewarganegara ini adalah satu perkara yang perlu kerajaan memproses mengikut kehendak perlembagaan. Walau

bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri pada masa ini sedang mengemas-kinikan lagi borang-borang permohonan dan prosedur-prosedur yang sedia ada, di mana terdapat sebarang langkah-langkah yang dikata, dengan izin, outdated, atau menyusahkan orang ramai, kementerian sentiasa sanggup untuk memudahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman dan Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacub mengenai kebanjiran pekerja-pekerja asing, ingin saya memaklumkan bahawa sememangnya kementerian sentiasa memperketatkan kawalan lagi untuk menyekat kemasukan pekerja asing tanpa izin. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya hukuman dikenakan kepada majikan yang tidak mendaftarkan pekerja-pekerja asing, adalah dijelaskan iaitu di bawah undang-undang iaitu Akta Imigresen pada masa ini yang berkuatkuasa, tindakan sebenarnya boleh diambil ke atas mana-mana majikan yang menggaji pekerja asing secara tidak mengikut peraturan. Kerajaan juga pada masa ini mengkaji akta-akta yang berkenaan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, saya suka menjelaskan bahawa pekerja asing di Malaysia terdiri daripada pekerja yang sah dan pekerja yang tidak sah. Pekerja sah diberi pas lawatan kerja ataupun MRC, dengan izin, Machine Readable Card, sebagai pengenalan diri dan bertujuan supaya pekerja-pekerja asing tidak menukar majikan kerana kad ataupun pas tersebut dicatatkan nama majikan dan tempat bekerja. Bagi pekerja yang tidak sah pula Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti meningkatkan kawalan dan rondaan oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti polis dan Jabatan Imigresen di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

Berhubung dengan kedudukan pekerja asing yang berkahwin dengan wanita tempatan, tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan mereka mendapat taraf kerakyatan negara secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh mencadangkan supaya kerajaan mengambil tindakan tegas ke atas rakyat negara asing yang memasuki negara ini sebagai pelancong dengan tujuan mencari kerja dan tinggal lebih lama daripada had tempoh yang dibenarkan. Berhubung dengan perkara ini adalah dimaklumkan iaitu sekiranya perbuatan seperti ini dikesan pihak penguatkuasa polis dan Imigresen, boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun beri penjelasan atas perkara-perkara yang mengenai ada yang menyentuh tentang dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Kalau sekiranya ada apa-apa perkara yang tidak sempat saya jawab, saya beri jaminan ianya akan diambil perhatian oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail:
Dijemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa perbahasan Titah Ucapan DiRaja mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara yang tertentu, perkara-perkara yang penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai pandangan-pandangan Yang Berhormat Dato' Johan bin O.T. Ghani, Yang Berhormat Janggu anak Banyang dan Yang Berhormat Mastika Junaidah binti Husin berhubung dengan beberapa isu yang berkaitan dengan pembangunan perindustrian serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencapai matlamat perindustrian negara. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan sememangnya memberi tumpuan kepada pembangunan perindustrian di Sabah dan juga di negeri-negeri kurang maju yang lain.

Dalam Belanjawan 1994, kerajaan telah mengumumkan pakej insentif khusus bagi menggalakkan pembangunan perindustrian kawasan di koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di bawah pakej insentif ini syarikat perkilangan yang ditempatkan di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, boleh menikmati galakan taraf printis, atau dengan izin pioneer status sebanyak 85% berbanding 75% di kawasan-kawasan lain, dan elaun cukai pelaburan sebanyak 80% berbanding dengan 60% di kawasan-kawasan lain. Pakej insentif yang lebih menarik ini adalah bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat perkilangan melabur di koridor tersebut yang pada umumnya mempunyai ramai tenaga kerja serta mempunyai sumber-sumber asli yang banyak dan berpotensi untuk dimajukan. Syarikat-syarikat yang beroperasi di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, juga boleh menikmati elaun infrastruktur 100% bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang tidak dapat disediakan oleh kerajaan.

Galakan pusingan kali kedua juga masih dikekalkan di kawasan koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan juga bagi syarikat-syarikat yang sedia ada, yang ingin mengalihkan operasinya di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian ini juga sering mengadakan rombongan perdagangan dan pelaburan di luar negeri yang bertujuan untuk menarik lebih banyak pelabur asing ke negara ini. Kerajaan negeri termasuk kerajaan Sabah juga digalakkan untuk menyertai promosi pelaburan yang dianjurkan serta membuat promosi susulan supaya bakal pelabur lebih mengetahui tentang keunitkan dan peluang pelaburan yang terdapat di negeri masing-masing.

Berikutan pelancaran dasar meningkatkan pelaburan domestik, kementerian ini telah menganjurkan seminar pelaburan domestik di negeri-negeri termasuk negeri Sabah. Berdasarkan respond awal kepada seminar-seminar yang dianjurkan ini, terdapat peningkatan minat pelabur-pelabur untuk melabur di kawasan koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Berikutan kekurangan tenaga buruh dan kesesakan industri di kawasan-kawasan yang telah maju terutamanya di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor, kerajaan-kerajaan negeri yang lain harus berusaha dengan lebih gigih bagi menarik pelabur-pelabur ke negeri-negeri masing-masing.

Dalam hal ini inisiatif kerajaan negeri adalah penting kepada pelabur dalam membuat keputusan sama ada untuk melabur di kawasan-kawasan kurang maju ini. Untuk itu penyediaan tanah perindustrian yang lebih murah, kemudahan infrastruktur asas yang lengkap serta mengurangkan karenah

birokrasi adalah penting dalam menarik minat pelabur-pelabur di kawasan perindustrian negeri-negeri.

Kementerian ini sentiasa memberi kerjasama sekiranya kerajaan-kerajaan negeri menghadapi masalah yang timbul berkaitan dengan pembangunan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Habsah binti Haji Osman dan Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud mengenai betapa pentingnya penekanan diberikan kepada industri berteknologi tinggi dan kebimbangan kita kepada penggantungan kepada tenaga buruh asing. Sememangnya pembangunan perindustrian negara pada masa ini sedang melalui proses peralihan daripada industri berintensif buruh kepada industri berintensif modal dan berteknologi tinggi. Peralihan kepada industri berteknologi tinggi adalah menggalakkan peningkatan nilai ditambah, dengan izin, value-added yang lebih besar serta mewujudkan rangkaian industri atau, dengan izin, industrial linkages, yang lebih bermakna terutama dalam pembangunan industri kecil dan sederhana. Peralihan kepada industri berteknologi tinggi adalah salah satu strategi kerajaan dalam menangani masalah kekurangan tenaga mahir yang ketara di sektor perkilangan sekarang. Insentif-insentif khas di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 telah disediakan bagi menarik pelaburan dalam syarikat-syarikat berteknologi tinggi dan projek-projek yang mempunyai kepentingan strategik kepada negara serta menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini.

Mengenai harapan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang iaitu supaya industri kecil dan sederhana dapat dipertingkatkan dan peluang-peluang yang ada disebar kepada pengusaha dan orang ramai, sukacita saya maklumkan

kepada Dewan yang mulia ini bahawa MITI sentiasa berusaha bagi mempertingkatkan pembangunan industri kecil dan sederhana di negara ini. Berbagai program dilaksanakan bagi membantu IKS mempertingkatkan pemasaran, kualiti, produktiviti dan teknologi pengeluaran di samping mengadakan seminar dan ekspo di seluruh negara bagi menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang dan program-program kerajaan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyediakan Malaysia ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, kerajaan kini sedang menjalankan kajian post IMP, dengan izin. Kajian ini akan dijadikan asas bagi merangka strategi pembangunan perindustrian bagi tempoh 1996 kepada tahun 2005.

Berhubung isu kekurangan tenaga mahir separuh mahir di sektor pembuatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen dari Pahang, Kementerian ini sedang giat menggalakkan pertumbuhan institusi latihan swasta yang dapat memenuhi keperluan industri.

Di samping itu di dalam Belanjawan 1995, kerajaan menyediakan insentif bagi menggalakkan penubuhan institusi latihan. Persatuan-persatuan industri juga harus berperanan dengan lebih aktif dalam menggalakkan industri masing-masing menjalankan latihan bagi keperluan industri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya, sekian terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Di-jemput Kementerian Pertanian.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelantan iaitu Senator Puan Kalthom binti Haji Othman dan Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud telah menekankan betapa pentingnya kerajaan memaksimumkan tahap pengeluaran dan mengadakan dasar keselamatan makanan serta berharap supaya kerajaan memberi tumpuan yang lebih dalam membangunkan sektor pertanian makanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa kerajaan memang sentiasa sedar dan memberi perhatian terhadap kepentingan industri makanan dan pertanian khususnya dari aspek sekuriti makanan negara. Perkara ini termaktub dalam strategi Dasar Pertanian Negara (DPN) 1992-2010 iaitu peningkatan pengeluaran makanan untuk menjamin bekalan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan makanan negara. Kementerian akan sentiasa memberi tumpuan kepada pengeluar makanan yang mencukupi serta selamat untuk dimakan melalui penggunaan sumber-sumber secara optima, penggunaan teknologi dan peningkatan penyediaan infrastruktur pertanian yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kedah pula telah menyarankan supaya kerajaan menu-

buhkan koperasi untuk meningkatkan taraf hidup nelayan, di samping menekankan bahawa pengeluaran lesen perikanan laut dalam perlulah diberikan kepada nelayan yang benar-benar memerlukan dan berkecimpung di dalam bidang tersebut. Kerajaan memang menggalakkan kaum nelayan menyertai institusi-institusi nelayan seperti persatuan nelayan. Persatuan nelayan ini diwujudkan dengan tujuan untuk membaiki taraf hidup nelayan melalui aktiviti perniagaan nelayan yang dijalankan. Kerajaan turut memberi beberapa kemudahan dan insentif bagi membolehkan persatuan bergerak maju seperti kursus kepimpinan, pengurusan, keusahawanan dan sebagainya.

Mengenai pemberian lesen-lesen, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah menetapkan syarat-syarat bahawa lesen-lesen perikanan hanya dikeluarkan kepada individu-individu atau syarikat yang benar-benar terlibat dalam industri tersebut sahaja. Untuk makluman, penglibatan dalam bidang perikanan laut dalam memerlukan pelaburan yang tinggi di antara RM500,000 hingga RM1 juta. Kepakaran, pengurusan, trade operation dan juga rangkaian pemasaran yang luas dan berisiko tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, lesen vessel dan peralatan menangkap ikan laut dalam akan dikeluarkan kepada kedua-dua golongan sama ada nelayan tulen atau bukan, sekiranya mereka menunjukkan kebolehan dan kecekapan dalam pengurusan bidang berkenaan. Lesen dikeluarkan juga kepada pengusaha bukan nelayan tulen supaya mereka ini dapat membimbing dan bekerjasama dengan nelayan tulen untuk meningkatkan pelaburan serta menjamin saluran pemasaran yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya Ahli Yang Berhormat dari Kelantan iaitu Senator Puan Kalthom binti Haji Othman juga telah meminta kerajaan menubuhkan "Rakan Tani" bagi membolehkan belia

mengusahakan tanah pertanian yang terbiar terutama di luar bandar. Di samping mengingatkan kerajaan supaya berhati-hati apabila menukar syarat tanah pertanian kepada industri bagi memastikan tanah pertanian tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi amalan kerajaan untuk melatih seramai mungkin belia, khususnya di luar bandar untuk mengusahakan tanah pertanian dan sebagai pelapis kepada petani-petani yang sudah meningkat umur. Mereka ini dilatih di institusi-institusi latihan di jabatan atau agensi di bawah kementerian dengan ilmu-ilmu pertanian dan sifat-sifat keusahawaan supaya dapat mengamalkan pertanian secara moden termasuk menggunakan teknologi moden dan pendekatan pertanian secara komersil.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam, Jabatan Pertanian telah melatih seramai 122 belia tani di Jepun untuk berkursus selama 1 tahun dan 35 orang di negara Asean seperti Thailand dan juga Indonesia. Bagi latihan di Institut Pertanian, Jabatan telah melatih seramai 1,962 orang-kursus 3 tahun dan sebahagian besar dari jumlah ini telah terlibat dengan berbagai aktiviti pertanian di samping latihan luar negeri dan latihan institut pertanian, Jabatan Pertanian juga terlibat dengan latihan jangka pendek yang melibatkan 4,000 orang petani setahun. Adalah dianggarkan dengan latihan tersebut lebih lagi belia-belia akan menceburkan diri dalam bidang pertanian dan seterusnya mengusahakan tanah-tanah yang terbiar.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mat Daud menyentuh juga tentang penukaran tanah pertanian kepada tanah industri. Kerajaan sememangnya memandang berat kecenderungan menukar syarat guna-tanah pertanian kepada bukan pertanian. Walau bagaimanapun, perkara ini perlulah mendapat kerjasama dari negeri

memandangkan urusan penukaran syarat guna-tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diteliti untuk apa-apa tindakan wajar bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail:
Dijemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

5.22 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Di-Raja, yang mana antaranya menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini, khususnya mengenai cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pahang supaya kempen anti inflasi yang dijalankan melalui media massa dilaksanakan dengan lebih giat dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sememangnya sedang mengambil tindakan yang aktif dalam melaksanakan kempen anti inflasi melalui media massa, terutama melalui media elektronik dan media cetak. Matlamat kempen anti inflasi ini adalah supaya kadar inflasi sifar dapat dicapai sepenuhnya seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi mempercepatkan pencapaian matlamat tersebut, tindakan-tindakan yang

bersepadu juga telah dilaksanakan, sama ada melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, Majlis Hal ehwal Pengguna Negeri dan Daerah, persatuan-persatuan pengguna dan lain-lain badan sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyemarakkan lagi kempen ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan rasminya melancarkan kempen antiinflasi pada 2 Jun 1995 bertempat di Pusat Islam, Kuala Lumpur. Pelancaran ini telah disiarkan secara langsung ke seluruh negara melalui television. Selain daripada itu, hari Sabtu pertama pada setiap bulan Julai, telah diisytiharkan sebagai Hari Inflasi Sifar bagi seluruh negara. Bagi memperluaskan penyampaian mesej ke seluruh negara, iklan-iklan.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Sila.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adalah dimaklumkan bahawa kempen inflasi sifar, khususnya akan diadakan pada hari Sabtu. Saya mendengar rungutan dan persoalan dari masyarakat, apakah sebab-munsababnya, hari Sabtu itu dipilih untuk kempen inflasi sifar oleh kerajaan, tidak lain-lain hari dalam seminggu?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hari Sabtu pertama setiap bulan Julai ditetapkan untuk kempen Hari Inflasi Sifar adalah kerana pada hari Sabtu, waktu pejabat setengah hari sahaja. Jadi, lebih ramai orang boleh keluar membeli barang-barang. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Dia bangun lagi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham kerana

ada juga negeri-negeri yang 'half-day' mereka bukannya pada hari Sabtu.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan negeri adalah 'kerja setengah hari' pada hari Sabtu. Kalau saya tidak salah, Yang Berhormat dari Perlis, Perlis pun hari Sabtu adalah hari kerja setengah hari.

Tuan Yang di-Pertua, iklan-iklan anti inflasi telah disiarkan sama ada melalui television, radio, suratkhobar, billboard, dengan izin, dan risalah. Iklan-iklan ini telah disiarkan dalam berbagai bahasa supaya semua golongan rakyat dapat memahami kempen berkenaan. Dengan itu kesedaran rakyat mengenai kesan negatif inflasi dapat ditingkatkan lagi.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta cadangan yang boleh membantu kementerian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Dijemput Kementerian Pendidikan.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan DiRaja yang mengemukakan isu-isu dan cadangan-cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Seterusnya saya ingin menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Berhubung dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen dan Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, buat masa ini, Kementerian Pendidikan

mempunyai 69 buah sekolah menengah vokasional dan kesemuanya ini akan ditukar menjadi sekolah menengah teknik secara beransur-ansur mulai sesi pengambilan 1995/1996. Bilangan sekolah menengah teknik juga akan ditambah bagi menampung keperluan tenaga manusia untuk industri masa kini. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 8 buah sekolah menengah teknik telah dibina dan 7 buah lagi akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kurikulum sekolah menengah teknik sememangnya dikaji dari masa ke semasa dengan adanya penubuhan Jawatankuasa Penasihat Kursus yang terdiri daripada kalangan pihak industri. Pelajar sekolah menengah teknik sentiasa diberi kemahiran secara 'hands-on' melalui latihan amali yang mereka jalani semasa berkursus. Sijil Kemahiran Malaysia yang diambil oleh pelajar sekolah menengah vokasional masa kini juga dapat memberi kemahiran kepada pelajar-pelajar dan menyediakan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan untuk kegunaan dalam pekerjaan.

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen juga menimbulkan isu pelaksanaan sistem 'open university'. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang bercadang untuk memperluaskan program pendidikan jarak jauh di semua institusi pengajian tinggi tempatan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Matlamat Kerajaan ialah agar sekurang-kurangnya 30% penduduk negara ini mendapat pendidikan tinggi menjelang tahun 2020. Langkah ini sejajar dengan pendidikan sepanjang hayat dan dasar pendemokratikan pendidikan tinggi yang memberi peluang kepada rakyat melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi selaras dengan hasrat untuk melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat, khususnya dalam bidang sains dan teknologi, pengurusan dan penyelidikan.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga menimbulkan isu mutu pendidikan swasta

di negara ini. Kementerian Pendidikan memang peka dan sentiasa memastikan mutu pendidikan di negara ini terkawal. Antara langkah yang dijalankan ialah mengawal dari segi kualiti dan bersesuaian dengan hasrat dan keperluan negara, di samping memastikan tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman digunakan untuk mengajar kursus-kursus yang dijalankan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Puan Kian Sit Har mengenai peruntukan yang tetap dan menyediakan kemudahan yang cukup kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, Kementerian Pendidikan memang menggunakan peruntukan yang sedia ada tetapi terhad untuk memberi pertolongan dan bantuan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, tetapi harus diterangkan bahawa kita juga harus mengambil kira sekolah-sekolah yang lain yang berjumlah 8,635 buah. Oleh itu, peruntukan hanya diberi kepada sekolah berdasarkan kepada keperluan sekolah yang mendesak sahaja.

Menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama, sebahagian sekolah SRJK(C) adalah sekolah bantuan modal di mana peruntukan untuk enrolment dan bantuan geran per kapita diberikan oleh Kementerian Pendidikan tetapi pengurusan sekolah-sekolah tersebut dikendalikan oleh Lembaga Pengurus Sekolah berkenaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, semua sekolah bantuan modal perlu membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan pembangunan daripada Kementerian Pendidikan. Jumlah peruntukan yang ada adalah tertakluk kepada peruntukan yang telah diberikan oleh agensi pusat.

Ahli Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii telah menimbulkan isu kekurangan guru terlatih di Sarawak dan mencadangkan agar Kementerian Pendidikan membina lebih banyak maktab

perguruan di negeri itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan guru terlatih dialami oleh semua negeri dan sememangnya menjadi perhatian utama Kementerian Pendidikan. Di antara usaha ke arah itu ialah menambah pengambilan guru terlatih di maktab-maktab perguruan, mengoptimumkan keupayaan universiti bagi menyediakan guru-guru terlatih dan mengadakan program kembar antara maktab dengan universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Pihak kerajaan juga akan membina sekolah-sekolah baru di kawasan-kawasan yang memerlukannya.

Langkah-langkah yang serupa juga diambil untuk mengatasi isu kekurangan guru bahasa Cina seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee. Kementerian Pendidikan akan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut untuk merapatkan lagi hubungan antara pihak sekolah dan ahli-ahli politik tempatan. Sebenarnya Kementerian Pendidikan sentiasa mengadakan hari-hari perayaan tertentu di berbagai peringkat dengan melibatkan tokoh-tokoh politik dalam perayaan-perayaan seperti Hari Guru, Hari Penyampaian Hadiah dan sebagainya.

Mengenai teguran Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim supaya pengajaran bahasa Inggeris di sekolah rendah dipertingkatkan, Kementerian Pendidikan memang sentiasa memastikan perkara ini dengan menekankan penguasaan aspek komunikasi di kalangan murid. Di samping itu, aspek nahu juga tidak diabaikan. Pada masa ini, bahasa Inggeris mula diajar kepada murid-murid Tahun Satu iaitu sebaik sahaja mereka memulakan persekolahan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah menambahkan bilangan guru pelatih untuk mata pelajaran ini di

maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti tempatan, mengadakan twinning programme antara universiti-universiti tempatan dengan universiti-universiti luar negeri dan melantik guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara untuk mengajar semula.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Kelsom Yaacob untuk memperluaskan kampus cawangan UPM di Pahang dan Kedah, pada masa ini kampus induk UPM di Serdang masih mampu menampung pelajar-pelajar dalam berbagai bidang termasuk bidang pertanian. Kampus tersebut mempunyai fasiliti yang mencukupi untuk menghasilkan graduan yang mampu mempertingkatkan sektor pertanian negara.

Isu pengkorporatan institusi pengajian tinggi tempatan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Habshah binti Haji Osman. Untuk makluman, walaupun dikorporatkan, institusi pengajian tinggi awam dikekalkan sebagai organisasi kerajaan yang bersifat non-profit atau tidak menekankan keuntungan. Tujuan pengkorporatan institusi pengajian tinggi awam ialah agar membentuk sistem pengurusan yang lebih fleksibel dan sesuai dengan fungsi-fungsi pendidikan tinggi yang lain seperti penyelidikan, penerbitan dan khidmat kepada masyarakat.

Mengenai cadangan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka menambahkan lagi cawangannya serta menaikkan taraf beberapa unit tertentu, perkara ini memerlukan kajian lanjut oleh pihak kerajaan.

Kementerian Pendidikan juga akan memastikan bahawa semua dokumen rasmi di Kementerian ini akan ditulis dengan menggunakan Bahasa Malaysia seperti yang disarankan.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan

Low Kai Meng tentang isu penyelarasan gaji guru, setakat ini Kementerian Pendidikan telah pun menyelaraskan gaji guru kepada dua kategori iaitu guru siswazah dan bukan siswazah.

Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee dan Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee mencadangkan agar ditambah sekolah rendah dan menengah. Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak sekolah di Sabah dan Sarawak bagi menampung permintaan yang bertambah.

Menyentuh syarat kemasukan ke maktab perguruan, kepujian Bahasa Malaysia telah ditetapkan sebagai syarat seseorang untuk berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Marimuthu mencadangkan supaya status sekolah bantuan modal dikaji semula. Ingin dijelaskan bahawa berdasarkan Akta Pendidikan yang sedang berkuat kuasa, Kementerian Pendidikan tidak boleh sewenang-wenangnya menukar status sekolah bantuan modal menjadi bantuan penuh kecuali sekolah-sekolah tersebut memenuhi beberapa syarat tertentu. Kementerian Pendidikan akan memastikan supaya beberapa kekurangan dalam Akta Pelajaran 1961 akan diperbaiki dan disesuaikan dengan perkembangan pendidikan masa kini bila rang undang-undang pendidikan baru dibentangkan di Parlimen.

Yang Berhormat Puan Sri Sarasa telah membangkitkan tentang pengwujudan kolej nasional Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji secara terperinci pelaksanaan kolej tersebut dan kita akan melaksanakan supaya kualiti pendidikan yang diberikan kepada pelajar-pelajar kita boleh dipertingkatkan.

Ahli Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah membangkitkan masalah

kekosongan guru besar dan pengetua dan juga kebajikan guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua perkara ini merupakan perkara penting kepada Kementerian Pendidikan dan memang kita selalu mengkaji cara-cara bagaimana kita boleh mempercepatkan pengisian kekosongan tersebut dan juga mempertingkatkan taraf kebajikan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tentang cadangan-cadangan yang lain yang saya tidak ada masa menjawab, dijamin bahawa Kementerian Pendidikan akan mengambil kira semua cadangan yang dibangkitkan. Terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Seterusnya saya menjemput Kementerian Sumber Manusia.

5.39 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan yang berkenaan khususnya kepada Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man, Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman, Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan, Yang Berhormat Datuk Johan Ghani dan Yang Berhormat Puan Kelsom Yaacob yang telah pun mengutarakan beberapa perkara yang menyentuh fungsi dan bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia dan pandangan-pandangan yang sangat bernas dan juga yang akan diambil perhatian oleh kementerian untuk melaksanakannya.

Saya ingin menekankan khususnya bagi menjawab pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Saad bin Haji Man bahawa komitmen kerajaan mewujudkan budaya seiras dengan negara Jepun di kalangan pengusaha-pengusaha sedang giat dijalankan. Ini jelas ternyata melalui program-program kerajaan yang bukan sahaja menangani masalah kekurangan pekerja mahir dan terlatih masa kini, malahan juga untuk memastikan bekalan golongan pekerja sedemikian adalah mencukupi di masa lampau serta pergantungan negara kepada tenaga kerja rakyat asing akan berada di tahap yang paling minima dan tertumpu kepada tenaga kerja tidak mahir sahaja. Kerajaan telah mempelawa sektor swasta untuk bersama-sama mengambil bahagian aktif di dalam bidang latihan vokasional dan teknikal sebagai suatu langkah menambah lagi bilangan tenaga kerja mahir dan terlatih yang diperlukan oleh negara dengan menawarkan pakej-pakej insentif kewangan fiskal dan bukan fiskal yang sangat menarik kepada sektor swasta untuk menceburi dalam bidang latihan tersebut.

Di antara pakej-pakej insentif kewangan yang ditawarkan adalah memberi investment tax allowance dengan izin, sebanyak 100% selama 10 tahun kepada syarikat-syarikat yang menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal mereka sendiri untuk tujuan melatih pekerja-pekerja sendiri ataupun pekerja-pekerja dari luar syarikat, termasuk mempertingkatkan kapasiti pusat latihan dan peralatan latihan sedia ada. Kerajaan juga sedia mempertimbangkan launching grant serta memberikan pengecualian cukai-cukai terhadap bahan-bahan, peralatan dan mesin-mesin yang diperlukan untuk tujuan latihan.

Sumbangan Kementerian Sumber Manusia menjayakan komitmen kerajaan menangani isu ini adalah juga dengan penubuhan lima buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) yang baru, sebuah Advance Skill and Technology Centre

dan sebuah Japan-Malaysia Technical Institute di samping mengembangkan infrastruktur dan peningkatan kemudahan latihan ILP-ILP yang sedia ada di negara kita ini. Setelah ini disempurnakan sepenuhnya, Kementerian Sumber Manusia akan dapat menyumbang pertambahan 10,000 lagi menjadi sejumlah 15,000 tenaga mahir dan melatih yang baru setiap tahun.

Sementara perancangan di Kementerian Sumber Manusia dijalankan dengan giat, kita harus tidak lupa bahawa agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan beberapa kerajaan negeri juga akan memperhebatkan usaha-usaha mengeluarkan tenaga kerja mahir menerusi institut, sekolah vokasional dan teknikal di bawah tanggungjawab masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi keyakinan kepada Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen yang nampaknya begitu pakar mengenai soal-soal yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia, bahawa kerajaan sedang mengubahsuaikan kandungan kursus serta jenis kursus dari masa ke semasa agar latihan yang diberikan kepada pelatih adalah secocok dengan kehendak industri. Saya ingin memaklumkan bahawa kandungan atau kurikulum latihan perindustrian negara ini adalah diselaraskan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Selain menyelaraskan kurikulum latihan, MLVK ini juga menentukan standard kemahiran dengan melibatkan industri di dalam Jawatankuasa Penasihat Kemahiran Kurikulum dan sebagainya yang diwujudkan di bawah MLVK. Standard kemahiran atau kurikulum yang digunakan oleh institut latihan di pelbagai agensi kerajaan dan swasta untuk melatih belia-belia dalam bidang-bidang yang berkenaan adalah selaras dengan standard kemahiran kebangsaan yang dibangun-

kan oleh MLVK. Di samping itu, kursus-kursus baru dan terkini yang menjurus kepada keperluan industri berteknologi tinggi akan datang diperkenalkan di ILP-ILP di bawah kementerian ini iaitu seperti automated manufacturing, communication technologies, computer-aided design, computer-aided manufacturing, computer numerical control, micro-electronic dan technology management.

Kementerian Sumber Manusia misalnya memberi latihan kemahiran intensif kepada belia-belia yang kurang cenderung dalam bidang pelajaran akademik sebagai satu pendekatan mengatasi segera masalah kekurangan tenaga kerja mahir. Program latihan serupa ini telah dilaksanakan tahun lepas tertumpu kepada pelajar-pelajar yang sedang menunggu peperiksaan SPM, SPVM dan lepasan SPM dan SPVM. Salah satu dari strategi penting Kementerian Sumber Manusia memperhebatkan usaha-usaha menambah bilangan pekerja mahir dan terlatih adalah melalui penubuhan Majlis Pembangunan Sumber Manusia untuk mentadbirkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia atau lebih dikenali sebagai Human Resource Development Fund (HRDF). Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen telah menyentuh luas subjek HRDF dan Yang Berhormat telah menawarkan beberapa cadangan membina untuk mempertingkatkan dan memantap lagi pentadbiran dan penggunaan HRDF. Cadangan itu akan diberi perhatian dan di mana boleh kita akan laksanakannya.

Kementerian amat peka dengan kedudukan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana. Dalam hubungan ini berbagai skim untuk membantu dan menggalak golongan pengusaha ini disediakan seperti Skim Latihan Berkelompok, Skim Bantuan Kewangan Untuk Menyediakan Kemudahan di premis syarikat, Bengkel Analisis Keperluan Latihan, Skim Perjanjian Latihan dengan Penyedia Latihan (PERLA). Dan selain

dari itu, skim yang sedang dirancang untuk dilaksanakan ialah Skim Latihan Bersama dan Skim Latihan Perantisan.

Mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja pula, kementerian suka memaklumkan bahawa terdapat sembilan peraturan yang berbagai-bagai sedang digubal dan ianya akan dikuatkuasakan secepat mungkin.

Berhubung dengan faedah biasiswa, kementerian sedang mengkaji pelaksanaan satu skim pinjaman pelajaran dalam PERKESO yang akan membolehkan anak-anak pekerja tertentu melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen.

Yang Berhormat Datuk Johan bin O.T. Ghani telah mencadangkan supaya dikaji kemungkinan menubuhkan sebuah institut latihan perindustrian di Sabah. Cadangan ini, insya Allah, kita akan laksanakan secepat mungkin.

Akhir sekali, bagi menjawab pandangan Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacob, sukacita saya nyatakan bahawa kerajaan sudah sedia ada pasukan petugas khas seperti yang dijawab sekejap tadi, Pasukan Petugas Khas Pengkajian Pekerja Asing di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk tujuan menyelenggara soal-soal yang berkait dengan pekerja asing. Selain dari, itu pekerja-pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini diberi perlindungan sepenuhnya di bawah Undang-undang Buruh yang ada. Dari segi ini, Jabatan Buruh di Kementerian Sumber Manusia sudah mempunyai rangkaian pejabat-pejabat cawangan di peringkat negeri dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa banyak cadangan yang bernas, pandangan-pandangan yang baik telahpun diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat menjawab kesemuanya satu persatu oleh sebab kesuntukan masa; pihak kementerian

mengambil cadangan-cadangan ini dan insya Allah, yang mana boleh dipraktikkan akan dilaksanakan secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Di jemput Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran mengenai perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh agar kerajaan berhati-hati dan tidak berkompromi dalam menangani masalah kejadian tanah runtuh dan memberi penekanan kepada kestabilan alam sekitar agar segala pembangunan yang dijalankan tidak akan mengakibatkan kesan yang negatif kepada persekitaran.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada mengesyorkan agar maklumat kerajaan secara berkomputer dikaji semula dan dibuat garis panduan tertentu bagi menjelaskan prosedur penggunaan terutamanya komputer dalaman yang melibatkan agensi-agensi kerajaan. Di samping itu, Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyarankan agar pembangunan negara dibuat secara menyeluruh dan selanjutnya melahirkan sokongan kepada kerajaan membangunkan industri berteknologi tinggi termasuklah industri berat. Dalam hal ini, izinkan saya memberi sedikit penjelasan kepada pertanyaan-pertanyaan, saranan dan syor-syor yang telah dikemukakan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian bencana alam yang berlaku sejak kebelakangan ini perlu ditinjau dari

berbagai perspektif dan sudut. Dalam usaha untuk mengurang dan mencegah dari berulangnya kejadian-kejadian bencana akibat pembangunan-pembangunan yang dilaksanakan, kerajaan telah menetapkan peraturan-peraturan yang lebih komprehensif terhadap projek-projek pembangunan supaya ianya selamat dan tidak menjejaskan alam sekitar.

Sebagai usaha untuk menangani masalah-masalah alam sekitar yang berlaku akibat proses pembangunan yang pesat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Akta ini bertujuan untuk memastikan alam sekeliling tetap terjaga dan terpelihara daripada kemusnahan akibat daripada pembangunan negara yang pesat. Melalui penguatkuasa Akta ini, kerajaan berusaha untuk memastikan pembangunan yang dilaksanakan itu adalah selaras dengan matlamat Wawasan 2020, di samping pemuliharaan alam sekitar untuk pembangunan yang berterusan, sustainable development, dengan izin.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua aktiviti pembangunan khususnya pembangunan di atas tanah bukit, tertakluk kepada perintah EIA atau Environmental Impact Assessment, dengan izin. Pembinaan jalan susur dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak menuju ke Genting Highlands tidak tertakluk kepada EIA kerana jalan tersebut dibina sebelum perintah EIA dikuatkuasakan dan aktiviti pembinaan jalan tersebut juga tidak termasuk sebagai aktiviti yang ditetapkan di bawah perintah EIA. Walaupun demikian, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengkaji semula langkah-langkah yang perlu dari segi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pembangunan di lereng-lereng bukit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui

kementerian dan jabatannya sedang mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat (information technology) dalam pelbagai urusan yang berkaitan. Penggunaan teknologi maklumat ini dapat membantu mempercepat serta melicinkan segala urusan yang berkaitan. Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menerajui arah tuju pembangunan teknologi maklumat negara. Susulan daripada ini, segala kemungkinan sedang diambil bagi menentukan agar maklumat-maklumat sulit dan strategik terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membangunkan industri berteknologi tinggi dan industri berat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang melipatgandakan kerjasama dengan industri-industri berkenaan melalui program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Program R&D yang dilaksanakan berteraskan kepada kehendak pasaran, inovatif dan selari dengan keperluan industri tempatan dan antarabangsa. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada peningkatan R&D, pengwujudan rangkaian hubungan yang erat di antara sektor awam dan industri, memperkukuhkan keupayaan institusi penyelidikan dalam pembangunan teknologi, penyusunan semula sistem dan prosedur, pembiayaan R&D, penganalisaan R&D dan pengkomersilan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan negara untuk merintis bidang-bidang baru dalam sains dan teknologi merupakan salah satu faktor terpenting dalam proses peralihan untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, penekanan akan diberikan kepada bidang-bidang teknologi tinggi dan muncul (emerging technologies). Di samping itu, peluang-peluang di dalam bidang-bidang baru akan terus diterokai, termasuklah bidang fibre optics, teknologi angkasa lepas dan teknologi komposit.

Dalam usaha membangunkan teknologi angkasa lepas, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) mencari jalan untuk membangunkan sumber tenaga manusia dalam teknologi angkasa lepas;
- (ii) mewujudkan talian perhubungan yang strategik dengan agensi-agensi di negara-negara maju dan negara-negara yang sedang membangun;
- (iii) mengadakan penilaian yang strategik terhadap program sains angkasa negara berdasarkan kepada bidang keutamaan yang diperlukan oleh kerajaan; dan
- (iv) kementerian akan melancarkan program kesedaran bagi menarik minat orang ramai dan menerangkan betapa pentingnya angkasa lepas dalam pembangunan perindustrian negara.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemampuan untuk menguasai bidang-bidang penyelidikan tersebut akan meletakkan asas yang kukuh bagi mendorong pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi di Malaysia dengan lebih pesat lagi. Di dalam hubungan ini, program kesedaran mengenai sains dan teknologi akan diperluaskan keseluruh negara di dalam usaha untuk membudayakan sains dan teknologi dalam kehidupan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, perhatian kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya

pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekian terima kasih.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Seterusnya saya menjemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa isu mengenai rumah kos rendah.

Sukacita saya memaklumkan bahawa pandangan mereka untuk mengenal pasti masalah-masalah dalam mencapai sasaran pembekalan rumah kos rendah adalah selaras dengan usaha-usaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menggalakkan peningkatan pembinaan rumah kos rendah. Ini termasuklah rancangan Kementerian menggalakkan pembinaan rumah kos sederhana rendah. Pendaftaran untuk memperolehi rumah kos rendah ini dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri. Pihak Kementerian sedang pun berunding bagaimana proses ini dapat dijadikan lebih berkesan dalam pembahagian rumah.

Harga jualan bagi rumah kos rendah masih dikawal oleh kerajaan iaitu masih tidak melebihi RM25,000. Harga yang ketara meningkat hanyalah di kawasan tertentu iaitu Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Ini adalah sebab pengaruh, dengan izin, supply and demand dalam sistem pasaran bebas yang diamalkan oleh negara kita. Namun demikian, kerajaan sedang mengikhtikarkan beberapa langkah untuk membendung kenaikan ini.

Bagi rumah kos rendah, kerajaan tetap dengan dasar untuk memelihara piawaian yang munasabah. Ini termasuklah menggalakkan pemaju membuat rumah yang mempunyai 3 bilik tidur. Projek kerajaan sendiri pada amnya mengamalkan cara 3 bilik tidur ini.

Ada Ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai kekurangan kemudahan rekreasi di kawasan perumahan kos rendah. Sebenarnya memang ada garis panduan disediakan oleh kementerian ini untuk membina kemudahan rekreasi. Di mana munasabah beberapa projek perumahan berhampiran yang kecil boleh berkongsi kemudahan rekreasi ini. Walau pun ada kemudahan, didapati ada ibu bapa yang lebih suka anaknya main di jalan-jalan, di hadapan rumah supaya mudah dikawal.

Ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai perlindungan kebombaian yang jauh di setengah tempat. Memanglah menjadi hasrat kerajaan memperluaskan perlindungan kebombaian ini. Walau bagaimanapun, kos mengadakan kemudahan ini amatlah tinggi. Sejauh mana dapat dibekalkan kemudahan ini bergantung kepada kedudukan kewangan negara. Dalam keadaan yang sedemikian, senarai keutamaan terpaksa dijadualkan.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan isu pemberian geran kepada kerajaan negeri Kelantan. Sukacita saya memaklum bahawa geran tahunan hanya diberi keutamaan kepada pihak berkuasa yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu. Ini termasuklah penyediaan penyata kewangan bagi tahun 1993. 4 buah pihak berkuasa tempatan di Kelantan telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut dan akan menerima gerannya. Yang lain, yang belum lagi memenuhi syarat-syarat yang tersebut, terpaksa menunggu sehingga mereka memenuhi syarat-syarat yang tersebut itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan-pandangan yang dapat saya berikan mengenai pandangan yang telah pun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi pandangan yang tidak dapat saya jawab pada hari ini, ianya akan tetap diambil perhatian dan sekiranya wajar, akan terus dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Kementerian Pertahanan.

6.01 ptg.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung bagi pihak Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertahanan semasa berucap membahaskan Ucapan Titah DiRaja di Dewan yang mulia ini. Ucapan-ucapan Yang Berhormat ini melambangkan keprihatinan Yang Berhormat mengenai masalah masa depan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dan keluarga mereka serta mengambil berat di atas masalah keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator Saad bin Haji Man yang meminta kerajaan mengambil berat di atas kebajikan dan masa depan isteri dan anak-anak anggota tentera Malaysia yang terkorban semasa berkhidmat di bawah misi Bangsa-bangsa Bersatu, adalah dijelaskan bahawa Kementerian Pertahanan sangat prihatin

di atas kebajikan dan masa depan mereka yang berkenaan. Kementerian Pertahanan tidak lupa jasa-jasa yang telah dicurahkan oleh perajurit-perajurit negara yang berjuang menegakkan keamanan dibawa misi PBB.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat juga mengenai penubuhan satu tabung khas untuk membantu keluarga dan anak-anak mereka, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan telah menubuhkan Tabung Amanah Tugas Bangsa-bangsa Bersatu yang diwujudkan khas untuk tujuan tersebut. Matlamat utama tabung ini adalah untuk memberi bantuan kepada anggota ATM dari segi bantuan kewangan seandainya mereka ditimpa kemalangan atau kehilangan nyawa semasa bertugas. Kadar bantuan tertentu telah ditetapkan berdasarkan kepada keadaan kemalangan atau kematian yang diterima.

Mengenai bantuan untuk anak-anak anggota ATM yang terlibat, Kementerian Pertahanan telah merangka satu bentuk pembiayaan pelajaran yang mana pembiayaan tersebut akan disalurkan kepada anak-anak anggota hingga ke peringkat yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Johan Ghani supaya TLDM memperluaskan lagi rondaan di perairan Sabah, ingin saya jelaskan bahawa Tentera Laut Di-Raja Malaysia sentiasa melakukan rondaan di perairan wilayah dan zon eksklusif di perairan Sabah. Mulai tahun ini keupayaan operasi di perairan Sabah telah dipertingkatkan lagi dengan pembukaan sebuah pengkalan baru di Sandakan. Selain dari kapal-kapal yang berpangkalan di Sabah, kapal-kapal yang berpangkalan di Semenanjung Malaysia juga sering ditugaskan untuk meronda perairan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Johan juga mencadangkan

supaya TLDM dilengkapi dengan peralatan yang canggih bagi membanteras ancaman lanun di perairan Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, semua kapal perang TLDM telah dilengkapi dengan peralatan yang mencukupi untuk membanteras lanun. Keupayaan kapal juga sering dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja beberapa ulasan yang dapat saya berikan di atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah bersama-sama membahaskan ucapan semasa perasmian Parlimen. Sekiranya ada perkara-perkara lain yang tidak sempat saya jelaskan di sini, Kementerian Pertahanan akan mengambil perhatian dan akan mengkaji dengan sewajarnya perkara-perkara yang tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

6.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Menteri Pembangunan Luar Bandar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan Titah DiRaja. Saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai program-program pembangunan luar bandar yang dirancang untuk pelaksanaan di dalam tahun 1995 khasnya dan di bawah Rancangan Malaysia Keenam amnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut, Yang Berhormat Datuk Johan bin O.T. Ghani, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah Husin, Yang Berhormat Tuan Marimuthu dan Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee telah menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan penyediaan kemudahan prasarana bagi kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara.

Ingin saya menjelaskan bahawa kerajaan sememangnya memberi perhatian utama bagi menyediakan kemudahan prasarana di seluruh negara. Ini dapat dilihat daripada peruntukan-peruntukan yang ada disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pembekalan kemudahan prasarana ini secara langsung telah melibatkan beberapa agensi kerajaan untuk memastikan kemudahan-kemudahan tersebut dapat disediakan dengan cekap dan pantas. Kejayaan-kejayaan daripada program tersebut sehingga akhir Rancangan Malaysia Keenam adalah seperti berikut:

- Untuk bekalan elektrik luar bandar bagi seluruh negara, pada tahun 1990 adalah 80% dan ianya dapat ditingkatkan kepada 90% pada 1995.
- Bagi bekalan air luar bandar, pada tahun 1995 kadarnya adalah 57%, kini telah dapat ditingkatkan kepada 85% pada tahun 1995.

Apa yang lebih menarik adalah sikap kerajaan yang tidak membezakan kawasan-kawasan, seperti ladang-ladang pecah (fragmented estate) dengan kampung-kampung tradisional yang lain. Oleh yang demikian, ladang-ladang pecah adalah tergulung di dalam definisi 'kampung-kampung tradisional' dan kerajaan sentiasa memberi pertimbangan yang sama di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Janggu anak Banyang dan Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan pembinaan jalan-jalan luar bandar di Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar masih banyak lagi jalan-jalan luar bandar yang perlu dibina di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak dan usaha-usaha sentiasa diambil oleh pihak kementerian untuk membanyakkan lagi pembinaan dan melengkapkan lagi rangkaian-rangkaian jalan luar bandar di seluruh negara. Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Sarawak, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi jalan-jalan kampung dan jalan luar bandar adalah seperti berikut:

(1) Jalan Kampung (di bawah Rancangan Malaysia Keenam)

Segala peruntukan adalah berjumlah RM30 juta. Yang telah dibelanjakan sehingga Disember, 1994 adalah RM25.6 juta.

(2) Jalan Luar Bandar (di bawah Rancangan Malaysia Keenam)

Peruntukan adalah berjumlah RM39.8 juta. Yang telah dibelanjakan sehingga Disember, 1994 adalah RM29.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Bandar sentiasa memberi perhatian di dalam menaikkan taraf sosio-ekonomi penduduk-penduduk luar bandar.

Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman telah membangkitkan persoalan berkaitan peruntukan-peruntukan bagi projek-projek tertentu di luar bandar yang dilaksanakan secara berkelompok dan bukan secara menyeluruh, terutamanya di negeri Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar kerajaan adalah jelas seperti mana yang disaksikan di seluruh

negara, iaitu kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan melaksanakan projek-projek pembangunan di luar bandar di seluruh negara, baik pun di Kelantan ataupun di Sabah ataupun di Sarawak ataupun di negeri-negeri yang lain.

Dalam sesuatu negeri, kementerian akan menentukan dan berhasrat untuk memberi bantuan kepada seramai-mungkinnya masyarakat luar bandar, tetapi Tuan Yang di-Pertua, di beberapa negeri kementerian menghadapi berbagai masalah pelaksanaan seperti kurang kerjasama dari pihak kerajaan negeri. Maka dalam keadaan begini KPLB terpaksa menggunakan cara-cara yang tersendiri di dalam usaha untuk menyalurkan peruntukan tersebut kepada golongan-golongan yang telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasar program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Johan B.O.T. Ghani dan Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang juga menyentuh berkaitan dengan rakyat termiskin di negara kita ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam sebanyak RM1.076 bilion telah diperuntukkan bagi program PPRT bagi semua kementerian di seluruh negara.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan sebanyak RM266 juta di mana akhir tahun 1994-70% telah pun dibelanjakan. Saya berharap dengan usaha-usaha jitu yang telah dan akan diambil bersama-sama dengan sokongan penuh Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar kemiskinan bagi seluruh negara akan dapat dikurangkan sehingga 0.8% pada tahun 2000. Untuk itu, kementerian sentiasa membuat penilaian atau menggaji semula pakej-pakej yang terdapat di dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin supaya ianya mencapai matlamat program.

Kerajaan telah juga membuat beberapa perubahan dengan memberi penekanan

kepada aspek pembangunan insan, latihan kemahiran, projek ekonomi yang berdaya maju dan peningkatan kemudahan pembelajaran, supaya rakyat termiskin digembleng menjadi aset yang produktif dalam pembangunan negara. Untuk itu, kerajaan menumpukan perhatian yang lebih kepada negeri-negeri yang mempunyai penduduk termiskin yang ramai termasuk negeri Sarawak dan Sabah. Sesungguhnya program-program PPRT akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan fokus akan diberi kepada pembangunan insan dan matlamat meningkatkan kualiti dalam proses pembangunan nasional menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin juga telah membangkitkan mengenai pembangunan Tabika KEMAS dan juga mengenai perkhidmatan kakitangan KEMAS termasuk syarat-syarat kontrak pegawai tersebut.

Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian memang sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak Tabika KEMAS di luar bandar dan kementerian mengambil tindakan. Antaranya adalah untuk menyelenggara bangunan-bangunan TBK di seluruh negara. Ini kita berharap dapat dibuat pada akhir tahun 1995.

Mengenai syarat-syarat perkhidmatan kakitangan KEMAS, kementerian juga sedar bahawa ianya harus dikaji semula, dan untuk makluman Yang Berhormat kementerian telah pun mengemukakan cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mempertimbangkan cadangan dari kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha untuk mencapai objektifnya meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk luar bandar di negara ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan mengenai perkara yang di bawah kementerian ini, dan apa-apa perkara yang tidak sempat dijawab pada petang ini akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya lama saya tidak nampak. (*Ketawa*)

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, sempena menggulung perbahasan atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen telah mengucapkan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana melancarkan Program Rakan Muda, untuk menyemarakkan gaya hidup yang berkualiti dan berwawasan bagi membantu belia membentuk satu identiti diri yang positif. Pada masa yang sama beliau melihat program ini dapat membendung kegiatan tidak sihat dan gejala-gejala maksiat di kalangan belia dan seterusnya membangunkan kemantapan mereka. Saya mengucapkan terima kasih ke atas sokongan Yang Berhormat terhadap Program Rakan Muda dan kata-kata semangat kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Di samping bersetuju dengan cadangan Dr. Ng Yen Yen, saya ingin maklumkan bahawa garis panduan dan cara pelaksanaan telah pun digubal dan digunakan dalam merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti gaya hidup Rakan Muda. Pada masa yang sama

kementerian saya sedang menyediakan analisis keperluan dan kewujudan infrastruktur dan kemudahan asas. Penilaian prestasi setiap aktiviti dibuat pada setiap bulan. Usaha menggalakkan penyertaan aktif pihak swasta dan badan-badan belia telah pun dilaksanakan dan akan terus dilipatgandakan.

Mengenai permintaan Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang untuk menambahkan peruntukan program tersebut di Sarawak, saya ingin memaklumkan bahawa peruntukan program adalah berdasarkan kepada jumlah permohonan mengikut gaya hidup dan juga mengambil keperluan tempat tersebut mengikut kumpulan sasaran.

Yang Berhormat Datuk Johan B.O.T. Ghani memberitahu Dewan yang mulia bahawa Program Rakan Muda mendapat sambutan yang amat menggalakkan di Sabah. Kementerian saya akan mengambil kira saranan Yang Berhormat Datuk Johan B.O.T. Ghani supaya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dilibatkan dalam program ini, untuk mengambil peranan yang proaktif untuk menangani masalah yang sering timbul. Beliau juga menyeru supaya lebih peluang latihan kemahiran diberi oleh kerajaan kepada belia-belia di kawasan luar bandar di Sabah supaya mereka dapat menghadapi era teknologi tinggi. Kementerian Belia dan Sukan akan meningkatkan tumpuan program pembangunan sumber manusia ke arah membekalkan peluang-peluang latihan secara berterusan dan berbagai.

Latihan kemahiran teknikal berbagai bidang dan berbagai tahap akan dilaksanakan melalui pembangunan beberapa institut kemahiran belia negara yang baru. Program peningkatan kualiti latihan di institut-institut kemahiran belia negara sedia ada juga akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai kata-kata semangat Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti

Haji Osman yang memberi motivasi kepada Kementerian, supaya meneruskan usaha membekalkan golongan belia dengan ketangkasan mental dan fizikal melalui program-program ceria dan yang dapat menanamkan nilai-nilai murni.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh telah memuji Program Rakan Muda sebagai satu program ke arah pembangunan generasi nadi penggerak dan pemimpin negara ke arah memenuhi Wawasan 2020. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa penglibatan semua jentera Kerajaan adalah sangat-sangat perlu untuk menentukan kejayaan program ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah binti Salleh juga menyatakan bahawa langkah jitu perlu diambil untuk mengatasi situasi muram dalam arena sukan. Beliau ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk meningkatkan kecemerlangan negara dalam acara-acara sukan yang disertai.

Sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian ini mengadakan berbagai program penyediaan atlit, dan tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk memenangi pingat-pingat dalam acara-acara di mana Malaysia mampu memenangi pingat di peringkat Sukan Komanwel. Beberapa langkah juga sedang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah yang menjejaskan pembangunan sukan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemerhatian Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee bahawa prasarana dan kemudahan-kemudahan asas sukan dan rekreasi masih jauh di tahap yang membimbangkan.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang menyediakan rangka rancangan penyediaan kemudahan lengkap di kawasan-kawasan berkenaan di seluruh negara.

Kementerian saya juga akan memikirkan sumber-sumber yang perlu diperolehi untuk membangunkan kemudahan-kemudahan ini sama ada dalam bentuk pinjaman atau mendapat sokongan daripada swasta.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan sokongan kepada Kementerian Belia dan Sukan di sepanjang tempoh perbincangan ini. Segala cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat amatlah dihargai dan akan diambil kira dalam pemantapan Program Rakan Muda dan program-program lain yang dijalankan oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahaskan Titah Ucapan DiRaja. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang

Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Selemiah binti Hashim dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Habshah binti Haji Osman telah membangkitkan tentang peningkatan kes-kes penderaan kanak-kanak dan mengesyorkan agar kerajaan memperingkatkan program-program dan kursus-kursus untuk mewujudkan masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, kanak-kanak adalah mereka yang berusia di bawah 18 tahun. Mengikut banci penduduk tahun 1991, golongan kanak-kanak berusia di bawah 19 tahun adalah 8,501,900 orang iaitu hampir 46% daripada jumlah penduduk keseluruhannya. Bilangan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan bagi tempoh 1991-1995 adalah 3,652 kes. Jumlah ini merupakan 0.04% sahaja daripada jumlah kanak-kanak di negara ini. Namun demikian, setiap kes yang dilaporkan serta dapat dibuktikan oleh pihak yang berkuasa telah didakwa serta dijatuhkan hukuman.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sedar tentang saranan berbagai pihak supaya dikenakan hukuman yang lebih berat terhadap pendera kanak-kanak. Justeru itu, langkah-langkah akan diambil untuk membincang serta meneliti perkara ini. Jika perlu dan bersesuaian, tindakan akan diambil untuk meminda undang-undang yang ada bagi tujuan tersebut. Di samping itu, usaha-usaha akan terus dilaksanakan untuk mengukuhkan unit keluarga dan menyedar serta mendidik orang ramai tentang pentingnya ikatan kekeluargaan dalam memberi jagaan dan perlindungan yang sempurna kepada anak-anak. Ibu bapa yang mengalami krisis atau tekanan hidup diberi khidmat kaunseling demi untuk kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak keseluruhannya. Semua Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah-daerah adalah terlatih dalam bidang kaunseling

dan anggota masyarakat boleh mendapatkan perkhidmatan ini pada bila-bila masa.

Semua masalah sosial yang melanda kanak-kanak, remaja dan keluarga tidak dapat diatasi sepenuhnya oleh kementerian ini sahaja. Sebaliknya, ia memerlukan penglibatan dan kesedaran setiap individu, keluarga dan masyarakat secara menyeluruh melalui peranan dan komitmen masing-masing dalam usaha mencegah serta membendung masalah tersebut. Undang-undang sahaja tidak akan dapat mengatasi masalah sosial kerana masalah itu timbul dari faktor kemanusiaan dan gaya hidup manusia dalam masyarakat.

Yang Berhormat Senator Dr. Ng Yen Yen juga telah menyentuh tentang masih banyak perlakuan layanan yang tidak adil terhadap wanita. Misalnya, isteri didera dari segi fizikal dan psikologikal, nafkah tidak diberikan, suami lari meninggalkan rumah dan keluarga. Undang-undang yang ada di masa ini sudah ketinggalan zaman dan lapuk dan beliau meminta supaya dikaji dengan segera.

Sebagai sumber tenaga manusia yang penting, kaum wanita harus diberi pendidikan dan latihan dengan hebat supaya tenaga ini tidak terbiar. HAWA mestilah menjadi 'watch-dog' kepada pelaksanaan program ini, maka tenaga pekerja dan pakar-pakar profesional mestilah diambil dengan segera untuk mempertingkatkan keberkesanan perjalanannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun mengambil perhatian dan maklum mengenai gejala keganasan rumah tangga seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Beberapa program sedang dirangka untuk meningkatkan kesedaran tentang kedudukan wanita dalam keluarga dan masyarakat. Di antaranya ialah, mempertingkatkan lagi program-program keibubapaan yang bertujuan memberi

pendidikan mengenai aspek perkongsian tanggungjawab suami isteri dalam rumah tangga. Kementerian sedang dalam peringkat terakhir menggubal peraturan-peraturan bagi menguatkuasa Akta Keganasan Rumah Tangga yang bertujuan untuk membendung masalah-masalah penderaan daripada berleluasa.

Mengenai undang-undang yang sudah ketinggalan zaman dan tidak sesuai lagi digunakan, kementerian sedang berusaha mengkaji semula dan jika perlu akan mencadangkan pindaan-pindaan yang perlu dibuat. Di samping itu, kementerian juga sedang mempertingkatkan program literasi Undang-undang untuk kaum wanita. Memang telah diakui bahawa sumber tenaga wanita perlu digunakan secara optima memandangkan hampir separuh daripada penduduk negara ini adalah wanita. Adalah menjadi kerugian sekiranya tenaga wanita tidak digunakan dengan sebaik-baiknya dan proses pembangunan negara juga akan terus terjejas.

Berdasarkan kepada perkembangan teknologi semasa, usaha-usaha telah dan sedang dipergiatkan lagi untuk memberi latihan dan pendidikan kepada wanita agar mereka dapat menyesuaikan diri untuk melakukan pekerjaan-pekerjaan yang kini semakin bertambah canggih. Salah satu fungsi yang dijalankan oleh HAWA ialah mengawasi dan menilai pelaksanaan berbagai program ke arah pembangunan wanita....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, panjang lagikah jawapannya ?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Dalam dua, tiga minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dua atau tiga minit lagi bolehlah. Kalau panjang lagi, kita sambung esok. Boleh pendekkan dalam masa dua atau tiga minit ?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tidak dapat habis.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak boleh habis, boleh teruskan sampai pukul 6.30, kemudian sambung esok.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Baik, baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu fungsi yang dijalankan oleh HAWA ialah mengawasi dan menilai pelaksanaan pelbagai program ke arah pembangunan wanita seperti yang terkandung dalam Dasar Wanita Negara. Dalam hubungan ini, HAWA secara tidak langsung telah memainkan peranan sebagai 'watch dog'. Oleh yang demikian, langkah-langkah sedang diambil bagi memperkukuhkan lagi HAWA dari segi tenaga kerja supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Untuk membantu HAWA melaksanakan

tugas-tugasnya dengan lebih berkesan, HAWA telah mendapat bantuan daripada pihak-pihak individu dan pakar-pakar daripada institusi pengajian tinggi yang ada kepakaran dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan pembangunan wanita.

Yang Berhormat Senator Puan Mastika Junaidah binti Husin,.....

Tuan Yang di-Pertua: Datuk, Datuk boleh sambung esok.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan tangguhkan pada pukul 6.30 petang.